

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

Jilid III  
1997

Bil. 77

Hari Khamis

4 Disember

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1998**

Jawatankuasa:

Jadual -

**Maksud B. 52**

(Ruangan )

USUL:

**Anggaran Pembangunan 1998**

Jawatankuasa:

**Maksud P. 52**

(Ruangan )

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasar Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 4 Disember 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PENINGKATAN JUMLAH PEKERJA MAHIR  
RAKYAT MALAYSIA - CADANGAN**

1. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tentang rancangan kerajaan hendak menambah bilangan pekerja-pekerja mahir dari rakyat Malaysia dan mengurangkan pengambilan pekerja-pekerja mahir dari luar negara.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia mengatur langkah menerusi tiga inisiatif utama untuk menambahkan bilangan pekerja-pekerja mahir dari rakyat Malaysia. Inisiatif-inisiatif ini membabitkan penyediaan tenaga kerja peringkat prapekerjaan, peringkat rakyat dalam perkhidmatan (in service), dan galakan-galakan kepada sektor swasta untuk mendorong mereka meningkatkan penglibatan dalam program latihan teknikal dan vokasional.

Bagi peringkat prapekerjaan langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (i) menubuhkan lima buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) baru, empat buah Pusat Teknologi Lanjutan (Advanced Technology Centre - ADTEC) dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI) di samping mempertingkatkan infrastruktur latihan di sembilan buah ILP dan sebuah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) yang sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh;
- (ii) memperkenalkan kursus-kursus baru di semua ILP dan ADTEC yang lebih relevan kepada keperluan industri semasa dan masa hadapan; dan
- (iii) melaksanakan Skim Perantisan untuk membolehkan majikan melantik lepasan sekolah sebagai perantis untuk dilatih dalam bidang kemahiran tertentu. Melalui skim ini majikan layak mendapat bantuan kewangan pada

kadar 95% daripada kos latihan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Di peringkat dalam perkhidmatan pula Kementerian Sumber Manusia menawarkan program yang dikenali sebagai, dengan izin, Time Sector Privatisation Scheme untuk membolehkan sektor swasta menggunakan kemudahan latihan di institut latihan awam dalam bentuk peralatan dan tempat latihan bagi melatih pekerja-pekerja mereka. Dalam pada itu pekerja rakyat negara ini di semua peringkat pekerjaan yang sedang bekerja di sektor perkilangan dan perkhidmatan adalah diberi peluang untuk mengikuti latihan semula dan peningkatan kemahiran dengan menggunakan kemudahan di bawah skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Semenjak kemudahan skim tersebut boleh digunakan pada 1 Julai 1993 sehingga Oktober 1997 seramai 1.6 juta orang pekerja telah diluluskan untuk dilatih semula dan ditingkatkan kemahiran mereka membabitkan peruntukan kewangan sebanyak RM426.06 juta.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif yang ketiga ialah menggalakkan sektor swasta melibatkan diri secara langsung di dalam industri latihan teknikal dan vokasional. Sungguhpun penglibatan pihak sektor swasta dalam perkara ini masih boleh ditingkatkan, namun ianya tidak memperlakan kementerian ini untuk sentiasa memikirkan galakan dan dorongan baru untuk merangsangkan lagi penglibatan mereka. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia menerusi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia menawarkan Skim Pinjaman Faedah Rendah kepada kumpulan industri, persatuan-persatuan majikan dan Institut Latihan Swasta untuk mendorong mereka menambah mesin dan peralatan latihan dalam bidang teknikal, pembinaan bengkel dan pembelian peralatan latihan khususnya berkaitan dengan teknologi baru.

Pada masa yang sama kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan turut mempunyai rancangan program latihan sendiri untuk menambahkan bilangan tenaga kerja tempatan yang mahir dan terlatih. Dengan langkah-langkah kerajaan itu dan juga penglibatan lebih aktif dari pihak sektor swasta negara ini akan mendapat bekalan tambahan tenaga kerja mahir tempatan tanpa bergantung kepada tenaga mahir dari luar negara di samping mengurangkan lagi bilangan tenaga kerja asing yang tidak mahir.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi permasalahan rakyat warganegara yang mahir menampakkan pergi ke Tokyo, Taiwan, Hong Kong, Singapura kerana

tarikan dari segi tangga gaji yang lebih lumayan yang menyebabkan kita terpaksa membawa pekerja-pekerja asing daripada Indonesia dan sebagainya yang memenuhi pasaran kita pada masa kini. Persoalan saya, mengetahui apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, dengan adanya insentif-insentif yang dirancang, apakah bentuk rancangan ataupun kemungkinan menambahkan gaji yang setimpal juga sepertimana market value, dengan izin, masa ini untuk menentukan mereka tidak lari ke tempat-tempat yang lain di luar negara?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedia maklum kerajaan masih pegang kepada dasar pokok kita, iaitu gaji dan upah akan ditentukan oleh pasaran. Setakat ini gaji untuk pekerja-pekerja mahir memanglah ditentukan oleh pasaran. Saya rasa tidaklah bijak untuk kita meningkatkan gaji kita secara mendadak mengikuti gaji yang diberi oleh Taiwan, Jepun dan sebagainya kerana keadaan mereka di sana adalah berlainan dengan keadaan kita sebab kos sara hidup dan sebagainya di negara-negara itu adalah sangat tinggi. Jadi, itulah di antara sebab yang boleh saya beri.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita sedar bahawa lagi ramai kita mempunyai pekerja mahir maka baik untuk negara dalam usahanya untuk mencapai menjadi sebuah negara industri dan maju. Dalam hal ini, kita dapati banyak kilang mahupun majikan tidak mahu menghantar pekerja-pekerja untuk mendapat kemahiran ataupun latihan. Kerana biasanya selepas mendapat latihan tersebut pekerja akan lari (job hopping). Jadi, apakah tindakan ataupun usaha yang akan dilakukan oleh pihak kementerian Yang Berhormat supaya soal job hopping ini tidak berlaku supaya kilang dan majikan akan terus menghantar pekerja untuk mendapat kemahiran ataupun latihan teknikal.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, memanglah ini merupakan salah satu masalah besar yang berkaitan dengan pekerja tempatan kita. Inilah sebab utama juga kenapa banyak dari majikan kita lebih suka untuk menggajikan pekerja-pekerja luar yang mana tidak akan berlaku job hopping, tidak akan lari dari tempat kerja mereka kerana permit mereka itu telah pun dikhaskan bahawa mereka mesti bekerja dengan satu pihak. Memang ini adalah satu kajian yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian sekarang ini dengan sungguh-sungguh. Saya tidaklah boleh beritahu penyelesaiannya, tetapi memang kita sedang menjalankan kajian yang bersungguh-sungguh untuk mengatasi perkara ini.

Sekarang kita ada juga berbagai-bagai kontrak, tetapi kontrak itu pun dia tidak endah. Mungkin kita akan ada kontrak salah satu pemikiran yang sedang difikir adalah supaya mereka diminta ganti balik wang yang telah dibelanja untuk memberi latihan itu dan juga sesuatu punitive damages yang lebih pada wang yang telah dibelanjakan kepada latihan itu. Jadi, inilah sedang difikir sekarang ini.

## **PEKERJA ASING DI LADANG-LADANG DI SARAWAK - PERTIMBANGAN PENGAMBILAN**

2. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kerajaan dapat memberi pertimbangan khas kepada negeri Sarawak kepada pekerja-pekerja asing yang tertentu kerana Sarawak masih memerlukan pekerja-pekerja asing dalam estet-estet peladangan dan industri-industri berasaskan kayu.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang pengambilan baru pekerja-pekerja asing dari negara sumber khususnya yang tidak mahir masih dibekukan dan ini terpakai di semua negeri di Malaysia. Pada masa yang sama kerajaan sedang memperhebatkan lagi usaha untuk menampung permintaan tenaga kerja negara. Di antara usaha itu yang sedang dalam perancangan ialah menjalankan urusan khas bagi mendaftar tenaga pekerja yang menganggur dan tidak mempunyai pekerjaan tetap (under-employed) di seluruh negara. Maklumat yang terkumpul itu nanti akan disalurkan kepada pihak-pihak yang memerlukan pekerja.

Urusan khas tersebut akan dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Perangkaan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar termasuk pejabat-pejabat daerah dan ketua-ketua kampung di peringkat akar umbi. Adalah memadai sekiranya melalui urusan pendaftaran tersebut sebahagian daripada permintaan untuk tenaga kerja dapat dipenuhi walaupun tidak dapat menampung keperluan negara sepenuhnya.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana Kerajaan Negeri Sarawak akan membuka ribuan hektar tanah untuk membina estet-estet kelapa sawit dan tambah pula industri kayu pun kerajaan negeri pun encourage more downstream proses, iaitu perlu banyak pekerja-pekerja asing. Soalan saya, bolehkah kementerian beri pertimbangan khas untuk situasi itu, kerana saya takut kalau tidak, mungkin pembangunan industri tertentu tidak akan dijalankan dengan lancar.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah sejak kita menghadapi masalah ekonomi sejak kebelakangan ini kerajaan sedang memikir semula tentang persoalan pengambilan pekerja-pekerja asing untuk bidang-bidang tertentu sebagai usaha jangka pendek bagi mengatasi eksport keluar negeri dan termasuk jugalah soal pekerja untuk ladang-ladang yang banyak ladang itu sudah ada tetapi kita tidak dapat mengerjakannya dengan penuh oleh sebab kekurangan pekerja.

Saya ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya kerajaan negeri dapat menghantar suatu memorandum yang lengkap kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemerosotan ekonomi yang dialami sekarang terdapat sektor-sektor seperti pembinaan dan infrastruktur mengalami kelebihan pekerja-pekerja asing. Sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk memindah atau redeploy', dengan izin, pekerja-pekerja asing ke Sarawak atau ke sektor-sektor yang memerlukan pekerja asing khususnya sektor ladang atau sektor industri yang berorientasi eksport.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, itulah satu sebabnya kerajaan agak melengah sedikit tentang untuk membuat satu keputusan tegas mengenai kemasukan pekerja asing tambahan kerana kita menjangkakan bidang pembinaan akan slow-down sekejap, tidak akan berkembang dengan begitu pesat seperti yang sudah-sudah, dan kita menjangkakan mungkin ada sedikit kelebihan tenaga pekerja dalam bidang pembinaan. Kerajaan sedang memikirkan supaya pekerja lebih ini tetapi yang sudah pun mempunyai permit-permit untuk sesuatu ketika dipindahkan kepada bidang-bidang yang memerlukan pekerja seperti bidang perladangan, industri eksport, industri hi-tech dan sebagainya.

### **PELAKSANAAN GATS - KESAN TERHADAP PERKHIDMATAN PROFESIONAL**

3. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimana Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Perkhidmatan ataupun The General Agreement on Trade and Services (GATS) akan membawa kesan kepada perkhidmatan-perkhidmatan profesional tempatan termasuk profesion-profesion perundangan, perubatan, perakaunan dan kejuruteraan. Sudahkan kementerian mengadakan sesi-sesi dialog dengan pelbagai profesion-profesion tempatan mengenai GATS, dan apakah jenis publisiti yang diberikan oleh kementerian mengenai GATS dan kesan-kesannya yang akan datang ke atas perkhidmatan-perkhidmatan profesional tempatan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]:**

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menawarkan konsesi liberalisasi yang meliputi beberapa sektor

kecil perkhidmatan di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS), dengan izin. Antara sektor-sektor tersebut ialah perakaunan, audit, arkitek, kejuruteraan, perubatan dan guaman. Konsesi liberalisasi tersebut dijangka tidak akan menjejaskan industri tempatan memandangkan kerajaan telah mengambil kira kepentingan industri berkenaan melalui proses perundingan yang telah dijalankan berdasarkan kepada keupayaan semasa industri tempatan dan melalui proses meliberalisasi secara berperingkat-peringkat.

Pembekal perkhidmatan profesional asing hanya dibenarkan beroperasi di Malaysia sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat tertentu seperti penyertaan ekuiti terhad, kebanyakannya tidak melebihi 30%, mengadakan usahasama dengan syarikat tempatan dan tertumpu kepada bidang-bidang khusus di mana Malaysia tidak mempunyai kepakaran tempatan. Tambahan pula pembekal perkhidmatan profesional asing tertaluk kepada syarat-syarat khas seperti keperluan residency, dengan izin, pengiktirafan kelayakan ikhtisas, pengalaman dan prosedur akreditasi, mengikut peraturan profesional masing-masing yang berkuatkuasa sekarang.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan telah pun mengadakan beberapa sesi taklimat dengan persatuan-persatuan dan badan-badan ikhtisas tersebut untuk menerangkan implikasi komitmen Malaysia dan peluang yang wujud hasil liberalisasi sektor perkhidmatan oleh negara lain di bawah GATS. Maklumat berkaitan telah pun diedarkan kepada industri tempatan melalui persatuan dan perbadanan-perbadanan tersebut dan sesi-sesi dialog kementerian dengan sektor swasta. Industri perkhidmatan tempatan perlu meningkatkan keupayaan dan daya saing mereka untuk meraih faedah daripada liberalisasi sektor perkhidmatan ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ahli-ahli profesional memasuki ke dalam negara kita. Tetapi apakah perancangan kerajaan, kerana kita telah ada Malaysia Inc yang telah dianjurkan antara kerajaan dan pihak swasta, apakah rancangan kementerian untuk kita pula menghantar ahli-ahli profesional kita, konsultan-konsultan kita ke luar negara untuk memberi perkhidmatan dan juga mencari peluang-peluang perniagaan. Jadi, adakah persediaan telah dibuat oleh pihak kementerian untuk mengenal pasti negara-negara yang perlu juga kita keluar selain daripada menunggu mereka masuk. Kerana saya difahamkan setengah-setengah mungkin macam perubahan kita perlukan, tetapi lain-lain perkhidmatan saya kira kita mempunyai cukup tenaga kerja. Jadi, apakah persediaan kita?

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan cuma menggubalkan dasar-dasar. kerja-kerja seumpama ini selalunya dijalankan oleh pihak swasta. Ada setengah profesion telah mengambil kesempatan ini untuk berkhidmat di negara-negara luar di mana kita melabur seperti privatisation project di negara-negara lain. Perkhidmatan seperti audit atau lain-lain mengikut pelaburan Malaysia di negara-negara asing. Jadi, setakat ini kementerian ini cuba menggubal dasar-dasar dan menerangkan apa-apa dasar-dasar dan insentif yang sedia ada kepada badan-badan ikhtisas, dan kerja-kerja yang sebenarnya dijalankan oleh pihak swasta.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai segala jawapan yang diberi sebentar tadi suka saya bertanya seterusnya tentang kedudukan dari segi undang-undang doktor-doktor perubatan dari negara lain yang ingin bekerja di Malaysia dan segala implikasinya misalnya, dengan izin, membership of bodies like Medical Defence Union dan Medical Protection Society.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, secara amnya perkhidmatan kesihatan asing dihadkan umpamanya kepada bidang-bidang yang spesifik, dengan izin, gyratec, neurosurgery, plastic surgery, anaesthesiology, apa itu saya pun tidak berapa faham. *[Ketawa]* Penglibatan asing di hospital swasta memerlukan penubuhan usahasama dengan syarikat tempatan dengan saiz 100 buah katil, dan yang spesifik itu saya minta notis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) tidak hadir]*

#### **DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA - PENDIRIAN MALAYSIA**

5. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian negara kita terhadap Deklarasi Hak Asasi Manusia yang diisytihar pada 1948. Apakah usaha selanjutnya setelah Menteri-menteri Luar ASEAN menyokong saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Deklarasi ini harus dikaji semula berdasarkan ketidaksesuaiannya dengan standar pencapaian manusia sejagat sekarang.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis yang akan dibangkitkan pada 10 Disember 1997 memandangkan kedua-dua soalan adalah saling berkait.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Deklarasi Hak Asasi Manusia yang telah diisytiharkan pada tahun 1948 telah diterima oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan undian 48 bersetuju, tiada menentang dan 8 berkecuali. Lapan buah negara-negara yang berkecuali ialah United Socialist Soviet Russia (USSR), keduanya Ukrainian SSR, Bylo Russian SSR, Czechoslovakia, Poland, South Afrika, Saudi Arabia dan Yugoslavia.

Kini sudah hampir 50 tahun penerimaannya, anggota PBB telah meningkat kepada 185 buah negara. Jadi, sementara itu keadaan politik dunia juga telah pun berubah. Deklarasi ini hanya merupakan sebuah deklarasi yang menggariskan garis panduan-garis panduan mengenai isu hak asasi manusia dan ia tidak mempunyai obligasi undang-undang. Sejumlah besar ciri-ciri dan prinsip dan asas dalam deklarasi ini juga telah dimasukkan dalam Perlembagaan negara kita Malaysia semasa mencapai kemerdekaan.

Jadi, apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri kita adalah untuk mengkaji semula deklarasi tersebut untuk melihat kesesuaiannya dari segi keadaan dan kehendak semasa. Kajian semula yang dicadangkan tidak berbeza dengan kajian semula ke atas deklarasi atau konvensyen atau protokol yang lain. Jika benar deklarasi ini masih sesuai dalam keadaan semasa sudah tentu deklarasi itu tetap diterimapakai. Tetapi jika sebaliknya wajarlah cadangan-cadangan bagi membaikinya diambil kira oleh masyarakat antarabangsa. Jadi, kerajaan sedang mengkaji deklarasi tersebut secara terperinci di peringkat kebangsaan dahulu sebelum kita mengambil sebarang tindakan di peringkat serantau ataupun di peringkat antarabangsa.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini sangatlah membina, jadi saya ingin tahu dalam 185 buah negara dalam PBB selain daripada negara ASEAN yang menyokong, berapakah negara-negara lain yang sudah tunjuk sokongan mereka tentang pandangan negara kita, dan adakah negara-negara yang lain ataupun pihak-pihak yang tertentu yang menentang dengan tanda yang jelas?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang selain dari negara ASEAN yang telah menyokongkan pandangan ini untuk kita mengkaji semula mengenai hak asasi manusia ini dan ada juga negara-negara yang membangun telah menyatakan secara tidak langsung sokongan dari pemimpin-pemimpin negara-negara membangun. Kalau kita lihat pandangan kita ialah kita perlu mencari pendekatan yang baru supaya kita dapat melihat adakah deklarasi yang telah digunakan selama ini sesuai dengan pembangunan atau

perkembangan-perkembangan perhubungan antarabangsa pada masa kini dan juga perhubungan perdagangan-perdagangan antarabangsa kini, yang mana kita selalu dengar banyak telah diusahakan atau digunakan untuk membantah atau membangkang pelbagai perkara dalam perkembangan dunia pada hari ini ialah penggunaan hak asasi manusia.

Jadi, keduanya memang ada juga negara-negara yang menyatakan bahawa mereka rasa tidak perlunya kita mengkajikan deklarasi ini kerana mereka merasai cukup sesuai untuk masa dan keadaan sekarang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana saya menyatakan semalam saya ingin bertanya adakah kita sedar bahawa semangat hak asasi manusia, ini sebenarnya telah dijemakan dalam beberapa undang-undang. Walaupun ia tidak mempunyai obligasi undang-undang, ia telah dijemakan dalam beberapa undang-undang yang sebenarnya untuk membekalkan keadilan. Umpamanya undang-undang dari segi keadilan ekonomi, liberalisasi perdagangan dan sebagainya. Pada waktu yang sama hak asasi ini juga menggariskan bukan sahaja hak politik ataupun hak asasi politik (political rights). Ia juga mengasaskan the rights to free flow information, the rights to good government, hak asasi untuk mempertahankan diri. Jadi, dalam konteks ini nampaknya ada pelanggaran-pelanggaran oleh badan dunia PBB bahawa hak-hak asasi terhadap keselamatan, terhadap pembangunan telah dilanggar dan negara-negara besar tidak mengambil hirau terhadap hal ini. Jadi, dalam inisiatif yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan di peringkat nasional adakah perkara ini juga akan diambil kira secara mendalam dan serius untuk diketengahkan kepada Pertubuhan Dunia?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang semangat atau hasrat kita untuk membangkitkan perkara Deklarasi Hak Asasi Manusia ini untuk diulangkaji adalah kerana kita juga sentiasa peka kepada pembangunan dan perkembangan semasa dalam bidang ekonomi, politik dan bidang pembangunan kemajuan teknologi dan information technology. Kita boleh dikatakan ini adalah satu usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara proaktif melihatkan kemungkinannya ada perkembangan yang terbaru dan terkini tidak diserapkan dengan secara jelas dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia ini. Jadi, itulah sebabnya kita perlu menimbang semula dengan secara teliti walaupun ciri dan prinsipnya memang sentiasa menjadi satu asas yang besar, tetapi perkembangan semasa itu yang saya sebutkan tadi mungkin perlu kita masukkan secara jelas di dalam deklarasi ini.

**PERMIT TEKSI, BAS, KERETA SEWA DAN LORI - CADANGAN PEMINDAHAN KUASA  
MELULUSKAN**

6. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) adakah kementerian akan memindahkan kuasa kepada pegawai-pegawai perlesenan permit teksi, bas, kereta sewa lori kepada pihak berkuasa tempatan di peringkat bahagian, daerah atau pekan kecil untuk memberi kemudahan kepada orang ramai di luar bandar; dan
- (b) berapakah jumlah permit teksi, bas lori dan serta sewa telah diberikan kepada permohonan di Sarawak mengikut bahagian seperti Kuching, Sri Aman, Sarikei, Sibul, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk memindahkan kuasa meluluskan permit teksi, bas, kereta sewa, lori kepada pihak berkuasa tempatan di peringkat bahagian, daerah ataupun pekan kecil memandangkan bilangan permohonan yang dibuat tidaklah begitu banyak. Kerajaan telah pun meluluskan penubuhan Pejabat Cawangan LPKP di Bandar Sibul dan juga di Bandar Miri. Pejabat Cawangan Bandar Sibul akan juga dapat memberi perkhidmatan kepada Bahagian Sarikei dan juga Bahagian Kapit selain daripada Bahagian Sibul itu sendiri.

Pejabat Cawangan LPKP di Bandar Miri pula dapat juga memberi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan dari Bahagian Bintulu dan Bahagian Limbang. Pejabat Bahagian Sibul akan mula beroperasi pada pertengahan bulan ini dan Pejabat di Bahagian Miri akan bermula pada awal tahun hadapan.

- (ii) Jumlah lesen teksi, bas, lori dan kereta sewa yang telah diluluskan di Sarawak mengikut bahagian sehingga 31 Disember 1996 ialah seperti berikut:-

<b>Bahagian</b>	<b>Permit lesen diluluskan</b>
Kuching -	4,010 lesen
Sri Aman -	306 lesen
Sarikei -	300 lesen
Sibul -	1,745 lesen

Kapit	-	58 lesen
Bintulu	-	1,042 lesen
Miri	-	1,679 lesen
Limbang	-	222 lesen

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berbincang dengan Pegawai Pelesenan negeri Sarawak pada hari Sabtu yang lepas dan saya telah dimaklumkan iaitu kementerian telah meluluskan 600 permit untuk kereta sewa seluruh Sarawak dan penyelenggaranya dua peringkat, iaitu 300 permit akan dikeluarkan tidak lama lagi. Masalahnya satu sahaja iaitu sama ada kementerian boleh atau tidak mencadangkan iaitu permit yang diberi ini akan diagihkan di tiap-tiap daerah dan jangan diberi kereta sewa ini kepada orang daerah lain, umpamanya orang daripada Kuching operate di Pusat, orang daripada Betong operate di Saratok, oleh kerana ini akan meningkatkan kos dan seterusnya akan meningkatkan harga tambang yang akan dikenakan oleh pihak operator kereta sewa ini. Jadi, macam mana pandangan kementerian cadangan saya?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Batang Lupar, memang sebenarnya lesen kereta sewa ini diagihkan mengikut keperluan daerah masing-masing. Jadi 600 permit yang diedarkan di Sarawak itu akan mengikut berapa ramai penduduk di setiap bahagian di Sarawak itu. Jadi, pengagihannya akan dibuat mengikut daerah masing-masing.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di beberapa bandar di negeri Sarawak kita sedar bahawa ada beberapa bas yang mempunyai permit itu tidak mampu beroperasi oleh kerana banyak pirate van, mini van atau pirate taxi. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawasi operasi pirate van ataupun kereta-kereta yang beroperasi khususnya dari bandar ke luar bandar ke kampung-kampung?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Dari masa ke semasa Kementerian Pembangunan Usahawan dan pihak LPKP akan bekerjasama rapat dengan pihak JPJ untuk memastikan penguatkuasaan van-van dan kereta-kereta haram ini akan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Kita akan mengambil perhatian khas tentang apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan penguatkuasaan di kawasan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi akan dipertingkatkan.

## PETRONAS - PELABURAN DI LUAR NEGARA

7. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah dan bentuk pelaburan Petronas di luar negara dan nyatakan negara-negara tersebut.

Apakah kriteria yang dikenal pasti oleh Petronas sebelum memulakan pelaburan di luar negara negara. Jumlah keuntungan yang telah dapat dibawa balik ke Malaysia sehingga kini hasil daripada pelaburan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Petronas mempunyai pelaburan di luar negara berjumlah RM1.1 bilion dalam sektor huluan dan hiliran industri minyak dan gas. Antara negara-negara berkenaan adalah Syria, Turkmenistan, Iran, Pakistan, Cina, Vietnam, Myanmar, Algeria, Sudan, Libya/Tunisia, Filipina, Cambodia, Thailand, India, Seychelles, Afrika Selatan, Argeantina dan Australia.

Antara kriteria yang diambil kira oleh Petronas dalam pelaburannya adalah taraf daya maju projek yang berkaitan, kebolehan projek dibiayai oleh bank dan kemampuan beroperasi secara persendirian serta kebolehan projek berintegrasi dengan keseluruhan operasi Petronas agar dapat menjana lebih nilai.

Dari segi perolehan, syarikat-syarikat luar negara yang mana Petronas mempunyai kepentingan telah menyumbang sebanyak RM1.216 bilion kepada perolehan Petronas bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1997.

**Kamaruddin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perdagangan dengan luar negara oleh Petronas, saya difahamkan bahawa Petronas mencapai kejayaan yang cemerlang dan menguntungkan khususnya kerana transaksi yang dibuat adalah melalui Dolar Amerika. Adakah pihak kementerian ingin mencadangkan kepada Petronas untuk mengurangkan harga ataupun nilai bayaran yang perlu dibayar oleh pengguna mengenai harga-harga petrol dan diesel dalam negara ini agar kos pengangkutan yang ditanggung oleh syarikat-syarikat dalam negara ini dapat dikurangkan dan dengan sendirinya tidak menuntut kenaikan harga barang, dan begitu juga bagi pengguna-pengguna biasa kenderaan-kenderaan seperti teksi dan sebagainya akan berasa ringan daripada bebanan kekurangan ataupun kelemahan nilai wang sekarang ini, dan ini dengan sendirinya membantu menstabilkan ekonomi negara yang ada pada hari ini. Adakah kementerian ataupun kerajaan mencadangkan kepada Petronas untuk mengurangkan harga petrol dan diesel dalam negara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa soalan ini agak terkeluar dari soalan asal.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan agensi-agensinya melakukan R&D. Jadi, saya ingin tahu Petronas sudah pun mencipta

nama selama lebih kurang 25 tahun sudah tentu pegawai-pegawainya mempunyai kepakaran yang tinggi. Jadi, saya ingin tahu apakah bentuk-bentuk R&D yang telah dibuat oleh Petronas selama ini terutamanya apabila melangkah membuat pelaburan di luar negara, yang mana dengan adanya R&D-R&D yang tinggi akan memberikan nilai tambah yang tinggi untuk menguntungkan kos pelaburan di luar negara.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Petronas sentiasa memperuntukkan jumlah wang yang besar untuk R&D dan ini juga telah menyebabkan kita berjaya dalam pelaburan kita di luar negara. Tetapi untuk mendapatkan secara khusus R&D-R&D ataupun perkara yang telah kita lakukan saya perlukan notis sebab saya tidak ada jawapan dengan saya pada hari ini.

**Dato' Salamon bin Selamat:** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan bantahan Amerika Syarikat dan tindakan untuk menyiasat pelaburan Petronas di Iran baru-baru ini, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pelaburan Petronas di Iran di masa akan datang, dan jika tidak apakah langkah-langkah positif kerajaan untuk menghadapi tekanan daripada Amerika Syarikat?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan asal saya, iaitu kriteria-kriteria kita melabur di luar negara tidak termasuk kebenaran ataupun izin dari Amerika sebelum kita melabur. Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan Malaysia mengamalkan ekonomi bebas. Oleh hal yang demikian, kita tidak akan tunduk kepada tekanan daripada Amerika dan projek kita di negara Iran akan tetap diteruskan. Kehadiran wakil Amerika baru-baru ini hanya sekadar berjumpa dengan pegawai-pegawai kita daripada Wisma Putra untuk menjelaskan undang-undang Amerika kepada kita. Petronas tidak berminat untuk mengetahui dengan lebih dalam undang-undang itu yang tidak berkuatkuasa di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kita akan teruskan dengan projek kita ini dan saya kira tidak ada apa yang boleh dilakukan oleh mereka. Sepertimana telah sedia maklum bahawa kita akan teruskan dan keuntungan yang akan diraihkan oleh kita dalam projek ini akan kita dapat, insya-Allah.

**BANTUAN KEBAJIKAN - SEBAB KELEWATAN**

## MELULUSKAN PERMOHONAN

8. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengapakah permohonan bantuan kebajikan mengambil masa yang panjang untuk mendapat kelulusan dari pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat. Begitu juga dengan permohonan warga tua untuk dapat menduduki Rumah Sri Kenangan Sibu memakan masa yang begitu lama. Apakah tindakan dan langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk melicinkan dan mempercepatkan proses permohonan yang tersebut di atas di Bahagian Sibu, negeri Sarawak.

### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat**

**[Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Lanang, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin dalam pengurusan bantuan kebajikan kepada warga miskin yang layak menerimanya. Walau bagaimanapun, sedikit masa diperlukan bagi menentukan ketulenan pemohon-pemohon bantuan kebajikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada aduan yang diterima mengenai kelewatan memproses kemasukan warga tua di Rumah Sri Kenangan Sibu. Walau bagaimanapun, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan segera menyiasat perkara ini sekiranya ada aduan yang jelas bahawa masa yang panjang terpaksa ditunggu untuk mendapatkan bantuan kewangan atau lain-lain bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara satu syarat-syarat untuk permohonan ini ialah surat pengesahan dari doktor membuktikan bahawa pemohon ini adalah sihat dan boleh jaga diri sendiri. Apa akan jadi kepada mereka yang kurang syarat ini, adakah mereka akan ditinggalkan tanpa dibenarkan masuk ke Rumah-rumah Orang Tua?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan, satu syarat untuk terima pemohon ke Rumah Sri Kenangan ialah kita perlu surat dari doktor. Kalau mereka tidak boleh jaga diri mereka kita tidak ada kemudahan di situ. Tetapi pada masa sekarang kita akan mendirikan dua buah Rumah Melarat dan bila rumah ini disiap kita ada kemudahan untuk terima mereka yang sakit.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Orang tua. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Jangan dengkilah. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan kebajikan yang saya tahu kadang-kadang dapat RM40 sebulan, RM50, RM60 saya tidak tahulah sekarang, bagaimana kementerian menentukan? Soalan (a)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, satu sahaja yang dibenarkan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya soal satu sahaja tetapi (a) dan (b)

*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sama juga, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Kenapa bantuan ini dalam kawasan saya bantuan RM40, RM50 diberhentikan. Sudahlah susah, kalau kaya hendak berhenti tidak mengapalah. Ini dia susah lagi diberhentikan, dan tidak adakah rancangan kementerian supaya pilih yang miskin-miskin dalam kawasan-kawasan dan beri ahli korporat jadi keluarga angkat. Kalau RM40 tidak cukup. Ahli-ahli korporat syarikat-syarikat yang kaya macam Bridge Con, beri tiga-empat keluarga untuk mereka buat anak angkat, mereka beri sebulan RM500 masuklah dalam senarai gaji. Saya hendak kementerian Yang Berhormat ambil inisiatif dalam perkara ini.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena ialah cadangan baik *[Ketawa]* dan kementerian sedang kaji *[Ketawa]* untuk menubuhkan satu community chairs dan bila kementerian sudah sedia menubuhkan satu community chairs kita sukalah terima bantuan dari syarikat-syarikat.

Mengenai bantuan yang diberhenti, bantuan yang diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah bukan untuk sepanjang umur. Selalu kita bantu untuk enam bulan, selepas itu kita kaji keadaan, dan kalau perlu kita teruskan bantuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Y.B. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

*[Soalan No. 9 - Y.B. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai) tidak hadir]*

#### **GEJALA MURTAD - CADANGAN DAN TINDAKAN MENGATASI**

10. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah cadangan, tindakan yang telah/akan diambil bagi mengatasi gejala murtad dan pertambahan bilangan remaja Islam yang ingin menukar agama dengan pelbagai sebab. Adakah pihak kerajaan bercadang mengeluarkan kertas putih berkenaan gejala tersebut untuk dibincangkan di Parlimen dan juga peringkat akar umbi masyarakat.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Tuan Yang di-Pertua, pembuat soalan ini adalah guru saya di suatu masa dahulu. Jadi, saya minta maaf, saya membuat jawapan. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk menangani gejala murtad sama ada melalui pihak berkuasa negeri atau Persekutuan. Antaranya melalui proses khidmat nasihat, kaunseling dan usaha bagi menyelesaikan masalah peribadi mereka.

Sebagai langkah awal, pihak kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas bagi menangani isu tersebut dengan mengutamakan pengukuhan akidah saudara-saudara baru iaitu melalui tindakan bersepadu yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, polis dan badan-badan sukarela bukan kerajaan (NGOs)

Di samping itu, mengadakan usaha memulihkan mereka yang cuba murtad melalui penggubalan modul pemulihan, mewujudkan barisan kaunselor yang mahir, mengenal pasti mereka yang cuba murtad untuk dikaunseling dan mengenal pasti gerakan tertentu yang melibatkan diri di dalam usaha memesonkan akidah umat Islam . Kerajaan belum bercadang untuk mengeluarkan kertas putih berkenaan dengan gejala tersebut.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah langkah penggubalan Undang-undang Murtad yang diura-urakan oleh kerajaan dan bilakah ia akan dibentangkan?

**Datuk Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dalam kajian, apabila siap kerajaan akan bentangkan ke Parlimen kelak.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Setakat manakah keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh JAKIM, sepertimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut tadi. Kerana inilah satu perkara yang cukup serius. Kita berharap kepada JPM ia bersungguh-sungguh mengambil perkara ini secara serius. Kalau hendak harap rakan saya dari Tumpat pun dia macam saya juga. Kalau hendak harap daripada Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun dia macam saya juga. Jadi, kita harap sangatlah kepada JPM untuk mengambil pendekatan yang lebih serius dalam perkara ini.

**Datuk Haji Muhamad bin Abdullah:** Kita memang melihat perkara ini dengan secara serius, sebab itulah beberapa usaha yang kita buat, tetapi yang kita kedapatan mereka yang cuba untuk menyeleweng atau murtad ini ialah beberapa sebab. Di antaranya, pertama, tidak ada asas agama yang kuat; keduanya, keluarga juga tidak mempunyai pegangan agama yang kuat dan ada di antara mereka yang kerana hendak berkahwin dengan orang agama lain kerana agama tidak kuat, mereka berusaha untuk meninggalkan agama mereka kerana hendak berkahwin dengan orang lain.

Tetapi yang saya hendak nyatakan di sini kesalahan-kesalahan dari segi agama bukan murtad sahaja, tetapi banyak benda-benda yang lain. Kadangkala pihak yang membuat soalan ini menentukan murtad sahaja. Tetapi sebenarnya pihak mereka ini membuat benda yang salah lebih daripada murtad. Sebab itulah saya mencadangkan Kerajaan Kelantan juga mengeluarkan kertas putih mengapa Parti

PAS mengatakan kalau tidak mengundi PAS tidak masuk syurga. Ini cukup menyeleweng. Mengapa penyembelihan orang UMNO yang Islam tidak boleh dimakan oleh orang PAS. Ini cukup menyeleweng. Mengapa orang UMNO jadi imam orang PAS tidak hendak ikut, ini juga menyeleweng. Jadi, tindakan ini mestilah bersama-sama tanpa mengira sama ada JAKIM ataupun orang-orang parti lawan ataupun individu yang tertentu supaya sama-sama mengukuhkan kekuatan keimanan supaya apabila iman itu kuat, maka bukan sahaja murtad itu tidak boleh kita ceburi, bahkan perkara-perkara lain yang diseleweng oleh parti-parti tertentu juga tidak diceburi.

### **LAPANGAN TERBANG SENAI, JOHOR - KOS PEMBESARAN**

11. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kos perbelanjaan bagi projek memperbesarkan Lapangan Terbang Senai, Johor yang sedang dilaksanakan; dan
- (b) apakah kemudahan tambahan yang telah dirancang untuk diberikan oleh Lapangan Terbang Senai ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju bahawa Malaysia Airport Berhad telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja pembesaran Lapangan Terbang Senai, Johor. Sumbangan kerajaan dalam projek ini ialah RM17.1 juta. Skop pembesaran lapangan terbang tersebut meliputi:

- (i) pembesaran bangunan terminal;
- (ii) pembangunan Kompleks Kargo.

Bagi pembesaran bangunan terminal, kos keseluruhannya adalah dianggarkan sebanyak RM90 juta. Bagi pembangunan Kompleks Kargo pula projek ini adalah dalam peringkat tender evaluation, dengan izin, dan kosnya hanya akan diketahui selepas tender ditawarkan.

Dengan pembesaran Lapangan Terbang Senai, Johor, kemudahan-kemudahan tambahan yang disediakan adalah termasuk:

- (i) empat buah aerobridges jenis 'glass'; dan
- (ii) penambahan ruang untuk keselesaan penumpang di dewan tiba dan berlepas dan kawasan dataran awam;
- (iii) lapangan terbang tersebut berkeupayaan untuk mengendalikan 1,000 penumpang bagi waktu puncak berbanding dengan 400 penumpang pada masa sekarang; dan

- (vi) Kompleks Kargo yang baru berkeupayaan mengendalikan trafik kargo sebanyak 100,000 metrik tan setahun.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pembesaran Lapangan Terbang Senai ini akan meningkatkan lagi keupayaannya untuk menampung keperluan penerbangan antarabangsa supaya orang-orang Johor khususnya tidak terlalu bergantung kepada Lapangan Terbang Singapura untuk ke destinasi luar negara, dan apakah destinasi-destinasi baru yang telah dikenalpasti oleh pihak kementerian.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya menjawab tadi memang dengan pembesaran Lapangan Terbang Senai di Johor tetap akan memberi lapangan terbang berkeupayaan untuk mengendalikan lebih ramai penumpang. Seperti saya katakan tadi selepas pembesaran, selepas projek ini disiapkan lapangan terbang ini dapat mengendalikan 1,000 penumpang bagi waktu puncak. Sekarang hanya 400.

Dari segi destinasi-destinasi dan syarikat penerbangan yang ingin datang mengguna Lapangan Terbang Senai buat masa ini kerajaan masih menggunakan kuasa dan juga pengaruh supaya lebih banyak syarikat penerbangan asing dapat menghantar pesawat mereka dan mengguna kemudahan-kemudahan di Lapangan Terbang Senai. Tetapi buat masa ini saya percaya hanya terdapat dua buah syarikat penerbangan asing, iaitu Merpati dan Korean Air. Baru-baru ini didapati dua syarikat tersebut akan berbincang semula sama ada akan mengadakan penerbangan yang berjadual ke Lapangan Terbang Senai.

**Datuk Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara kita sedang menghadapi masalah ekonomi. Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian Yang Berhormat boleh memastikan segala rancangan yang dirancang itu akan dilaksanakan dengan sepenuhnya, dan juga Yang Berhormat kalau boleh memberitahu kita kedudukan sebenarnya mengenai kesibukan dari segi passenger dan kargo yang sedia ada di Lapangan Terbang Senai?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, projek membesarkan Lapangan Terbang Senai, Johor telah pun ditetapkan dan dipersetujui oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Sebenarnya projek ini telah pun dilaksanakan pada tahun lepas oleh Malaysia Airport Berhad. Maka oleh yang demikian, saya ingin memberi jaminan iaitu segala rancangan yang telah pun dirangkaikan akan terus dijalankan hingga siap sepenuhnya.

Dari segi prestasi Lapangan Terbang Senai di antara semua lapangan terbang yang terdapat di negara kita hanya lima lapangan terbang diiktiraf sebagai lapangan terbang antarabangsa tetapi bukan Lapangan Terbang Senai, sebab buat masa ini tidak banyak pesawat syarikat penerbangan asing yang menggunakan Lapangan Terbang Senai. Jika kita buat perbandingan di antara semua lapangan terbang dalam negara kita didapati pada tahun lepas Lapangan Terbang Senai hanya mengendalikan lebih kurang 1 juta penumpang. Boleh dikatakan it is the fifth busiest airport in the whole country, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Maringking.

*[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran) tidak hadir]*

#### **KELAS TADIKA - CADANGAN MEMBINA BANGUNAN KEKAL**

13. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada kementerian bercadang membina bangunan-bangunan kekal untuk menempatkan tadikanya memandangkan buat masa ini kelas-kelas tadika hanya menumpang di dewan orang ramai atau bangunan-bangunan usang yang tidak sesuai.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mendapat peruntukan sebanyak RM61.4 juta bagi membina 799 buah tadika di seluruh negara. Bagi tahun 1997 sebanyak 152 tadika dibina dengan kos RM13.2 juta. Bagi mengatasi masalah bangunan tadika yang berada di dewan orang ramai dan bangunan awam yang dalam keadaan kurang memuaskan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memperuntukkan juga peruntukan mengurus bagi baik-pulih bangunan-bangunan tersebut pada setiap tahun, iaitu tahun 1995 sebanyak RM4.5 juta, tahun 1996 sebanyak RM4.1 juta dan tahun 1997 sebanyak RM2.2 juta. Langkah ini bertujuan meningkatkan prestasi kemudahan pembelajaran kepada kanak-kanak tadika KEMAS.

Memandangkan pelaksanaan tadika adalah berasaskan community base, maka masyarakat adalah digalakkan untuk menyertai dengan aktif dalam pentadbiran dan pengurusan tadika, iaitu melalui Jawatankuasa Tadika. Mereka juga berperanan untuk mengenal pasti tapak yang sesuai dan turut membantu dalam urusan-urusan perjalanan tadika sungguhpun kerajaan telah mula turut membiayai bangunan-bangunan tadika.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan tadika KEMAS merupakan satu institusi yang semakin penting,. soalan saya ialah setakat manakah tadika KEMAS ini

mengemaskinikan kurikulum ataupun kaedah pengajarannya sejajar dengan perubahan yang dilakukan dalam kurikulum Kementerian Pendidikan?

**Dato. K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, kurikulum KEMAS ini diaturkan oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Kementerian Pendidikan dan ahlinya termasuk Ketua Pengarah KEMAS. Oleh sebab itu, sukatan pelajaran ini mencerminkan dasar kerajaan.

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini tidak sihat, bangun semacam tetapi tidak nampak, minta maaf. *[Ketawa]* Yang pertama, saya hendak tanya balik Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, tetapi sepatutnya saya tidak menyuara sebab menteri sendiri orang tempat saya orang Kelantan. Tetapi oleh kerana Dato' sendiri jawab dahulu betul, maka hari ini saya hendak jawapan yang betul juga.

Saya hendak tanya yang pertama, berapa peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar beri kepada KEMAS Negeri Kelantan. Sebab negeri Kelantan hari ini minta peruntukan wakil rakyat sahaja untuk membaiki bangunan tadika ini. Jadi, kalau tidak ada peruntukan cakap tak ada - mudah. Yang Berhormat Menteri Kewangan kata ini ada, kita minta 'selalu'.

*[Ketawa]*

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang asal adalah berkaitan dengan bangunan KEMAS, oleh sebab itu saya tidak mempunyai satu peruntukan keseluruhan, tetapi saya boleh jawab. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita akan membina 48 tabika di Kelantan. *[Ketawa]*

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat sekali sahaja.

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:** Sekali sahaja? Saya dengar Dato' kata ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak soal lagikah?

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:** Berhubung kait dengan perkara itu juga, saya hendak beri jelas, sebab sekarang ini Kelantan banyak orang S.46 masuk UMNO dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sudah jawab tadi, dia sudah jawab.

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:** Dia sudah jawab, tetapi saya hendak tanya 48 buah itu cukup atau tidak? *[Ketawa]* Kalau tak cukup, 'kecek molek dahulu'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan kementerian mencukupi.

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:** Cukup? Kalau ada masalah lagi berat lagi kena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cukuplah itu.

#### **JUALAN SECARA LANGSUNG - PEMBEKUAN LESEN**

**14. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah alasan pihak kementerian membekukan lesen jualan secara langsung (direct selling) baru-baru ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa orang awam dilindungi di bawah Akta Jualan Secara Langsung dan sehingga kini adakah terdapatnya apa-apa dakwaan di bawah akta ini dan jika ada, berapa bilangan dakwaan dan jenisnya.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak akhir-akhir ini, beberapa amalan yang tidak sihat telah meresap ke dalam industri jualan langsung. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu mengambil tindakan tegas bagi memastikan aktiviti jualan langsung tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang hanya berminat untuk mendapat keuntungan dengan cepat.

Di antara amalan yang tidak sihat di dalam industri jualan langsung ialah:-

- (i) pelan pemasaran yang bertumpu lebih kepada pengambilan peserta dan bukan untuk memasar barangan kepada pengguna;
- (ii) peserta-peserta baru didesak membeli stok barang pada jumlah yang besar

melebihi keupayaan mereka untuk menjual;

- (iii) pelan pemasaran yang telah diubahsuai tanpa kelulusan kementerian untuk memudahkan pengedar-pengedar menjadi kaya dengan lebih cepat dan pengawalan beberapa program insentif seperti skim insurans dan skim tabung amanah saham yang menjanjikan pulangan tinggi dan dijadikan sebagai alat untuk memancing ahli-ahli baru.

Bagi memastikan objektif Akta Jualan Langsung tidak terjejas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah memutuskan bahawa pengeluaran lesen jualan langsung kepada syarikat-syarikat baru dibekukan buat sementara. Walau bagaimanapun, kelonggaran diberi kepada syarikat-syarikat yang ingin menjalankan perniagaan dengan syarat mereka memasar barang-barang tempatan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan orang awam terus dilindungi, kementerian akan meneliti pelan-pelan pemasaran yang sedang diamalkan pada ketika ini untuk memastikan tidak ada pihak yang melanggar

akta dan syarat-syarat lesen jualan langsung. Semenjak pembekuan yang berkuatkuasa pada 9 September 1997 pengawal jualan langsung telah mengambil tindakan tegas mengeluarkan lesen baru sembilan syarikat-syarikat yang terbukti telah mengetepikan hak-hak pengguna yang diberi di bawah Akta Jualan Langsung 1993 dan perundangan lain di negara ini.

Bagi tempoh 1 Jun 1993 hingga 31 Oktober 1997, kementerian telah mengambil 68 tindakan kes bersabit pelbagai kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung 1993 dengan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai RM434,256. Sepuluh kes telah didakwa di mahkamah di atas kesalahan seperti menjalankan urusanniaga tanpa lesen Akta Jualan Langsung dan menjalankan urusanniaga berbentuk Skim Piramid. Pihak-pihak terbabit telah dikenakan denda

.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat panjang lagi?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tidak, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa sudah suntuk.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh yang sama juga sebanyak 31 kes telah dikompaun dengan kutipan kompaun sebanyak RM337,800. Kes-kes yang dikompaun ini adalah kebanyakan melibatkan kesalahan berhubung dengan penyempurnaan kontrak jualan langsung dalam masa tempoh bertenang. Bagi 27 kes masih di dalam tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun suntuk.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4,9,12 dan 15 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

*[Hari Keenambelas]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan*

*Jawatankuasa]*

**Maksud B.52 [Jadual] -**

**Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.52 dan Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: [Bangun]**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Ya, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Peraturan Mesyuarat di bawah 66(9).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Iaitu saya ada mengirim satu Usul untuk memotong gaji RM10 kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Peraturan Mesyuarat 9(2) iaitu tugas Setiausaha untuk menyediakan Usul itu di hadapan tetapi tidak ada sekarang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, Yang Berhormat. Saya akan memberi penjelasan sedikit.

Sebenarnya, Usul yang dibangkitkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian itu memang telah pun diterima oleh pihak Urusetia tetapi malangnya oleh kerana ianya tidak sampai dua hari, maka ianya tidak dapat di .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak betul itu, saya hantar Usul pada hari Selasa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jadi, Yang Berhormat, ....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kalau Usul naik semalam memang tak cukup dua hari, tetapi hari ini cukup dua hari.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu pun saya sudah mengkaji dengan teliti dan biasanya kalau ianya genap dua hari memang ianya akan dibawa ...

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Adakah dikira hari mengikut jam atau hari.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Genap dua hari.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Genap dua hari! Saya hantar pada hari Selasa, hari ini hari Khamis. Tak tahulah kalau pihak Dewan tak erti kira hari.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itulah saya terima dan saya memang sudah mengkaji tetapi malangnya ianya tidak dapat dibawa oleh Ahli Yang Berhormat sekarang sebab faktor ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak, saya hantar cukup bilangan harinya. Kalau naik semalam memang tidak perlu, tetapi hari ini dua hari. Saya tidak tahulah Dewan kira hari macam mana?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itulah sebabnya Yang Berhormat. Tadi Ahli Yang Berhormat soal kenapa tidak nampak Usul itu tidak diedarkan. Itulah sebabnya. Yang Berhormat boleh ....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini tepat di sini dua hari. Peraturan Mesyuarat 66 (9).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Ya, 66(9) saya tahu!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Siapa-siapa ahli boleh mengeluarkan Usul hendak meminda Jadual itu dengan mengurangkan sebanyak beberapa ringgit, sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, itu bukan pertikaian Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang saya maksudkan ialah ianya tidak cukup dua hari.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak cukup jam atau tidak cukup hari?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dari segi jam juga.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Jadi, saya tidak puas hati penjelasan!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Mengikut apa yang saya terima di sini ianya dikira mulai hari Rabu, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya hantar jam 5.00 petang hari Selasa, dikira hari Rabu. Ini undang-undang mana tak tahulah ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, yang ini Yang Berhormat boleh semak kembali dengan pihak Urusetia, sebab biasanya kalau ianya genap dua hari memang ianya akan diizinkan ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tak faham!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tak apa Yang Berhormat, sabar dan Yang Berhormat boleh semak kemudian dengan Urusetia secara terperinci.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Usul saya mati begitu sahaja, sedang dua hari cukup. Saya tidak boleh terima sebab bukan dikira pukul berapa hingga jam berapa hari. Saya hantar pada hari Selasa, cukup harinya. Tak tahu kalau pihak Dewan kira hari lain.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu Yang Berhormat boleh dapatkan maklumat yang lebih lanjut lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana ini Peraturan ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, yang ke berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang sama ya. Panduan untuk semua Ahli-ahli Parlimen, oleh kerana notis diberi hari Selasa pukul 5.00 petang, adakah ini bererti bahawa pada pukul 5.00 hari ini ada cukup notis dan pada pukul 5.00 usul itu boleh bangkit. Jadi, minta satu panduan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat, sebab sekarang ini pun belum sampai pukul 5.00 lagi ya dan biasanya kalau ianya genap dua hari sepertimana yang saya sebutkan tadi itu, maka ianya akan diizinkan. Tetapi malangnya sekarang ini bila perbelanjaan di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas, pada ketika ini ianya belum genap lagi dua hari.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, bahawa apabila sampai pukul 5.00 bila-bila Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian boleh berdiri untuk kemukakan usul itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi malangnya Yang Berhormat, malangnya Usul sedemikian hanya boleh dibangkitkan ataupun dikemukakan bila-bila sahaja Kementerian Kerja Raya ataupun kementerian yang berkenaan itu terbuka untuk dibahas, bukannya pada peringkat pertengahan. Faham atau tidak Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak, bukankah ini di mana-mana peringkat ia boleh dibangkitkan, kalau perbahasan untuk kementerian ini habis sebelum pukul 5.00, itu mati di sana. Tetapi apabila kalau perbahasan diteruskan selepas pukul 5.00 bukankah satu interpretasi yang wajar ialah masa itu bila-bila Usul itu boleh dikemukakan. Saya rasa ini satu interpretasi yang rasional, yang wajar, yang munasabah. Adakah itu satu interpretasi, saya hendak panduan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, saya faham interpretasi yang disuarakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tetapi saya sudah cakap tadi, cukup jelas. Sebab usul sedemikian hanya boleh dibangkitkan sebelum kita memasuki perbahasan yang selanjutnya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 9(2) Setiausaha kena disediakan, kita bimbang tidak disediakan kerana dianggap semalam akan sampai, tiba-tiba tak sampai semalam, sampai hari ini maka tak sempat sedia, kelemahan di pihak pentadbiran di sini, bukan salah Usul saya.

Sebab dua hari dikira tidak pernah disebut selama ini soal jam, tetapi hari.  
Bukan berapa jam.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, betul!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Buka Peraturan Mesyuarat - hari!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi yang ini Yang Berhormat, saya pun rasa dukacita juga, sebab ianya tidak dapat dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, jadi, Peraturan Mesyuarat itu tetap kena kita sanjung tinggi.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya, saya dengar khabar, usul ini hendak dimatikan kononnya akan naik Kementerian Kerja Raya semalam sebelum pukul 8.45 malam, tetapi oleh kerana tidak naik, maka hari ini tidak dicetak. Ini satu kelemahan pentadbiran, saya tidak pernah berlawan dalam Parlimen ini, saya orang baik. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tetapi janganlah, saya tidak pernah berlawan, tetapi ini masalah hak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat ya. Yang Berhormat, itu bukan soal, sama ada ianya timbul semalam atau tidak, itu bukan soal.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak ada disebut jam di sini, tetapi hari - dua hari dan saya membilang hari, Rabu, Khamis - dua hari. Ini satu kesilapan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak apalah Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat tidak dapat mengemukakan Usul yang dimaksudkan tetapi saya rasa dalam peringkat Jawatankuasa ini Yang Berhormat, ia memang akan .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Berucap, saya tahu, saya berucap selalu. Saya faham, ini soal Peraturan Mesyuarat!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jadi, Yang Berhormat, ....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya sudah berucap selalu kan, saya sudah faham, saya sudah orang tua juga.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat. Interpretasinya saya sudah cakap cukup jelas ya. Saya sudah beri interpretasi itu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini kesilapan dan pihak Dewan kena minta maaf kepada saya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini bukan saya melawak, saya tidak pernah buat jahat, saya baik selama ini, ini Peraturan Mesyuarat - dua hari adalah dua hari.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebab itu interpretasi yang saya rasa cukup jelas. Ini dimuktamadkan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada di sini. Saya nampak ada satu mainan supaya usul ini

diharapkan naik semalam maka usul ini mati, tetapi sampai ke sini tidak dapat disediakan dalam Aturan Mesyuarat hari ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat, sebelum ini pun ada juga usul yang sama, takkanlah usul Yang Berhormat sahaja yang sengaja dimatikan, itu tidak masuk akal. Cukuplah!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak, ini soal peraturan, bukan soal peribadi. Saya tidak ada peribadi dengan Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, ini bukan peribadi. Saya faham itu. Tetapi apa boleh buat Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tak apalah, saya kesallah dan minta pihak Dewan minta maaf kepada Ahli Parlimen Kubang Kerian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak apa, Yang Berhormat boleh suarakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong. Hendak berucap ataupun Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak perlu berucap, sungguhpun nampaknya sekarang kita lebih teknikal daripada mahkamah.

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:**  
*[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Sebelum itu izinkan saya kerana ini menyentuh soal Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Selalunya dalam Peraturan Dewan ini tafsirannya itu tertakluk kepada peruntukan dan peruntukan itu selalunya jelas. Kalau dua hari itu maksudnya 'two sitting days'. Kalau 48 jam itu disebut '48 jam'. Dalam konteks ini disebut 'two sitting days', saya tidak pertikaikan kebijaksanaan Tuan Pengerusi membuat tafsiran, tetapi saya tidak mahu ini nanti keputusan yang akan jadi precedent kerana akan nanti dijadikan peraturan kepada Dewan untuk seterusnya.

Jadi, kalau setakat yang saya faham, berdasarkan precedent yang selama ini two sitting days, dua hari ini maknanya mana-mana waktu notis walaupun pada pukul 6.25 minit sampai, itu dianggap satu sitting day, jadi, maknanya dalam konteks ini usul ini memenuhi syarat 'two sitting days'. *[Tepuk]*

Tetapi oleh kerana ini tafsiran yang telah dibuat sementara saya hormati, saya cuma mahu supaya kalau Tuan Pengerusi menganggap ini tafsiran yang betul, maka ia harus tidak mengikat tafsiran ini sebagai tafsiran yang mutlak memandangkan peraturan selalunya cukup jelas di antara jam dengan hari. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya terima dan saya menyambut baik saranan Yang Amat Berhormat, tetapi oleh kerana saya rasa interpretasi itu memang telah dibuat dan lagi pun usul itu tidak diedarkan

kepada Ahli-ahli, saya minta maaf sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak sampai hasrat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi satu usul itu yang sangat simple, bolehkah mungkin Tuan Pengerusi kaji semula membenarkan Ahli Yang Berhormat untuk kemukakan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak berucap? Saya beri peluang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum berucap, semacam Ahli Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai point of order, sebenarnya saya ada menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian oleh kerana dia minta saya mengenai tempoh notis dan saya kata dua hari, hari ini boleh naik. Oleh kerana sama ada semacam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata, sama ada 'two full days' atau dua hari dan pada konvensi saya pernah kemukakan notis bukan dua full day tetapi dua day - dua hari dan itu apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan mustahak bahawa kita ada satu interpretasi yang terbuka dan saya harap bahawa dua hari ialah dua hari, Selasa dan Rabu - dua hari dan bukan two full days dan ini amalan tradisi konvensi Parlimen selama ini, oleh kerana kita kerap kali ada kemukakan usul dan saya tahu dan saya ada menasihatkan Yang Berhormat begitu. Saya berasa terperanjat bahawa kita nampaknya lebih legalistik dengan mahkamah. Sebenarnya, kita lebih liberal dan saya memuji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan

sikap yang begitu terbuka. Saya harap bahawa kita boleh lebih licin [*Tepuk*]  
menjalankan tugas dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, Yang Berhormat.

**3.50 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya sebut mengenai Maksud B.52 - Jalan dan Jambatan. Saya rasa sangat kesal bahawa sampai sekarang tidak ada berita daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengenai hasil renegotiation mengenai tol dan perjanjian Lebuhraya Utara-Selatan untuk menamatkan peruntukan yang membenarkan concessionaire menaikkan tambahan kadar tol setiap tahun. Oleh kerana ini satu peruntukan yang sangat one sided tanpa mengambil kira kepentingan orang ramai khususnya termasuk generasi yang akan datang dan masa itu apabila ditandatangani di tahun 1987 ialah compromisekan kepentingan orang ramai oleh kerana tujuan masa itu ialah untuk membolehkan UMNO untuk membiayai Putra World Trade Centre yang masa itu berharga RM330 juta.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya patut lebih sensitif terhadap kemarahan orang ramai mengenai lagi satu round kenaikan tol oleh PLUS bermula pada 1 Januari oleh kerana kerajaan harus mengiktirafkan mengakui bahawa ini menunjukkan rakyat lebih tidak sabar, tidak boleh tolerance lagi mengenai satu kontrak, satu perjanjian concession Lebuhraya Utara-Selatan yang begitu one-sided yang membenarkan PLUS untuk memperkenalkan tambahan tahunan tol untuk 22 tahun yang akan datang, setiap tahun.

Mengikut anggaran anjuran PLUS fokusnya ia akan mengutip RM80 bilion daripada tol Lebuhraya Utara-Selatan dalam tempoh concessionship 30 tahun. Tetapi sebenarnya ini satu estimate yang sangat konservatif oleh kerana kalau kita lihat beberapa tahun ini di mana traffic volume lebih tinggi daripada

estimated traffic volume daripada focus traffic volume, ini bererti bahawa total revenue untuk concession tempoh 30 tahun ini tentulah lebih daripada anggaran. Mungkin lebih daripada 50% ke-100% dan ini bererti bahawa untuk tempoh consession PLUS akan mengutip total revenue antara RM120 bilion kepada RM160 bilion dan sejak bulan Jun tahun ini rakyat sudah bayar RM3.2 bilion tol untuk menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan.

Masa sudah sampai untuk Perjanjian Lebuhraya Utara-Selatan untuk dirunding semula, dinegotiated semula supaya ia lebih adil kepada pengguna-pengguna lebuhraya. Tahun lalu PLUS dapat ganti rugi dari kerajaan RM176 juta dan itulah wang pembayar cukai oleh kerana tahun lalu adalah delay, adalah penurunan kenaikan tol. Rakyat biasa tidak berminat mengenai legal diagnosis concession Lebuhraya Utara-Selatan oleh kerana bukan sahaja ia masih dilindungi oleh Akta Rahsia Rasmi tetapi oleh kerana mereka mahu mendapat kepentingan mereka dilindungi oleh pihak kerajaan.

Oleh kerana keputusan untuk menswastakan Lebuhraya Utara-Selatan kepada United Engineers dan selepas itu ditukar kepada PLUS ialah satu keputusan politik 'first and last', rakyat menuntut bahawa Kabinet perlu mengambil satu keputusan politik untuk renegotiated kontrak ini untuk menamatkan peruntukan yang membenarkan PLUS untuk mengenakan kenaikan tol tahunan dan pun untuk menghapuskan peruntukan untuk PLUS boleh menuntut ganti rugi kalau kerajaan ada 'vary' perjanjian itu. Kita tidak boleh lupa bahawa kerajaan adalah memberi pinjaman RM1.3 bilion kepada UEM untuk membina Lebuhraya Utara-Selatan dan sungguhpun ia dianggap

sebagai satu projek penswastaaan dan kalau projek penswastaaan sebenarnya tidak patut wang rakyat keluar satu sen.

Baru-baru ini UEM ada bertanggungjawab mencetuskan satu krisis ekonomi nasional kepada satu tahap yang lebih tinggi apabila membeli RM723 juta saham Renong yang mewakili 32.6% stake dalam Renong dalam pasaran terbuka dan jumlah wang itu ialah RM2.4 bilion dan deal UEM-Renong itu ialah satu keputusan corporate yang tunggal yang mengakibatkan kejatuhan KLSE yang terbesar sekali dalam krisis ekonomi empat bulan ini yang menyebabkan KLSE Komposit Indeks jatuh 19.58% daripada 667.29 point ke 536.62 point dalam tiga hari yang menghapuskan RM70 bilion wang pelabur-pelabur dalam KLSE dan ini bukan sahaja satu UEM-Renong deal, bukan sahaja satu mala petaka ammudicated kepada UEM, kepada pemegang saham minoriti UEM pun kepada semua pelabur-pelabur di KLSE tetapi dengan pembatalan waiver, UEM sekarang perlu mencari lagi RM1.6 bilion untuk membuat general offer kepada 23.1% saham-saham Renong yang sekarang bukan dipegang oleh UEM dan akhirnya kita lihat bahawa saham-saham Renong sudah jatuh kepada RM1.80 per share sebelum trading itu digantung. Kalau ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan, walaupun UEM ini terlibat dalam penswastaaan projek, tetapi saya rasa

menjunamnya harga saham UEM dan juga saham-saham yang lain itu tidak sepatutnya terangkum dalam Kementerian Kerja Raya ini, sebab sepatutnya kalau kita kaji dengan teliti Yang Berhormat sebagai orang lama pun tahu juga mungkin secara khusus Yang Berhormat patut menyingkap kepada perbelanjaan yang dicadangkan yang bersabit dengan kementerian ini dan bukannya .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, ya, interpretasi saya hormat, tetapi semacam interpretasi mengenai Peraturan Mesyuarat tadi salah, ini pun salah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, dua-dua pun salah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi saya sebut itu untuk menegaskan, saya bukan mahu bahas mengenai UEM share .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang tadi itu sama ada salah atau tidak, itu terpulang, Yang Berhormat bukannya hakim, Yang Berhormat sekarang ini yang penting sekali saya kena ingatkan Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat diberi peluang untuk berucap, tetapi yang ini saya nampak ianya terkeluar dari perangkuman.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu keputusan saya hormat, sungguhpun itu salah! Rakyat pun tahu itu salah, itu tak apa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi apa yang saya kata di sini .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, balik kepada ini, saya hendak ingatkan Yang Berhormat, balik kepada butiran yang berkenaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak pernah keluar daripada butiran. Saya sebut tadi itu oleh kerana untuk menegaskan kalau UEM dengan RM1.3 bilion pinjaman dari kerajaan untuk membina Lebuhraya Utara-Selatan, boleh dengan mengguna tabungnya untuk mencetuskan satu malapetaka (catastrophe) bukan sahaja kepada UEM, UEM minority shareholders and KLSE investors tetapi pun kepada PLUS, oleh kerana akhirnya apa yang berlaku ialah renegotiation oleh Kementerian Kerja Raya dengan PLUS akan terjejas, itulah sangkut-paut, itulah hubungkait dan sebab itu sungguhpun malapetaka ini sudah berlaku di mana PLUS boleh kata tidak ada kedudukan yang kuat untuk membenarkan satu renegotiation ini tak patut diterima. Oleh kerana malapetaka yang dibuat ini oleh UEM sendiri dan PLUS ialah wholly-owned subsidiary UEM ada bersangkut-paut. Dan sebab itulah ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sekiranya apa Yang Berhormat bangkitkan tadi itu terangkum di bawah Kementerian Kewangan, saya benarkan. Yang Berhormat, nanti dahulu ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan Kementerian Kewangan tetapi Kementerian Kerja Raya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sekadar contoh saya izinkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan contoh!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi nampaknya Yang Berhormat, saya rasa kenalah balik kepada butiran itu dan bukannya menyingkap sahaja kepada menjunamnya harga saham dan sebagainya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak, itu menunjuk bahawa PLUS lebih lemah, boleh menggunakan ini sebagai satu helah bahawa tidak perlu renegotiation.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Okay, baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah ini bersangkutan-paut dengan mana-mana satu butiran ataupun mana-mana satu perbelanjaan ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Jalan dan Jambatan. Jalan dan jambatan untuk Lebuhraya Utara-Selatan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Melainkan kalau ianya akan mengakibatkan sesuatu terhadap projek yang tertera.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kita bincang mengenai tol Lebuhraya Utara-Selatan dan bersangkutan-paut dengan UEM, PLUS dan saya sebut bahawa UEM, Renong, catastrophe ada dimensi dalam renegotiation tol Lebuhraya Utara-Selatan. Bolehkah saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan masa berjalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Tuan Pengerusi tak ganggu, masalah tidak timbul.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu kerja saya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan kerja Tuan Pengerusi untuk ganggu Ahli Parlimen bercakap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Dan inilah satu argument kenapa ini ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung!

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah satu argument belum sepuluh minit. Saya pun ada melihat masa itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, catatan itu tetap ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum bercakap sepuluh minit, saya akan gulung dan saya harap bahawa jangan ada apa-apa gangguan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat ikut tertib dan Yang Berhormat ikut Peraturan Mesyuarat, saya tak akan mencelah. Tetapi sekiranya Yang Berhormat pergi merayau sahaja, saya berhak memberhentikan Yang Berhormat dari berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada merayau. Dan ini satu argument yang sangat 'corgent' bahawa UEM dan PLUS tidak dibenarkan untuk menentang satu renegotiation oleh kerana khasnya UEM adalah satu favourite conglomerate dan sudah dapat pelbagai projek penswastaaan semacam National Sports Complex Commonwealth Games Village and SECL KLIA Expressway,

KLIA Satellite Terminal, Putra LRT System II dn pembinaan hospital-hospital di Semenanjung Malaysia.

Akhirnya saya harap bahawa perkara ini diambil serius oleh semua pihak termasuk Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional sungguhpun mereka ada melahirkan bantahan mereka terhadap kenaikan tol Lebuhraya Utara-Selatan dan menunjukkan bahawa bantahan DAP di tahun 1997 masa itu sungguhpun single-handed ialah benar dan saya harap bahawa mereka akan rela untuk menyertai DAP, parti-parti politik yang lain, NGO-NGO, kesatuan-kesatuan yang sudah mengeluarkan bantahan mereka semacam CUEPACS, NGO kalau ada kenaikan tol Lebuhraya Utara-Selatan dan bergabung untuk satu national campaign menentang toll increase menubuhkan satu gabungan alliance against toll increase (AATI) dan saya harap bahawa masa itu Gerakan, UMNO Youth yang kata sekarang bahawa mereka menentang kenaikan tol tidak akan lari. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Seremban.

**4.02 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak sentuh B.52 Butiran 020500 - Bahagian Perancang Jalan.

Saya pernah sebut dalam Dewan yang mulia ini pada tahun yang lepas bahawa di bandar Seremban perlulah kita rancangkan untuk membuat satu jalan 'ring road' atau jalan lingkaran kerana pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang di bandar Seremban kesesakan lalu lintas akan bertambah

buruk dan kalau kita tidak mengambil satu langkah yang positif dan juga dengan segera, saya rasa masalah ini akan bertambah buruk.

Oleh kerana itu saya mencadangkan bahawa JKR perlu membuat satu rancangan untuk melaksanakan 'ring road' yang telah dibincangkan pada Rancangan Malaysia Kelima dan juga Rancangan Malaysia Keenam, malangnya hingga masa sekarang masih belum nampak apa-apa benda telah dilaksanakan.

Oleh kerana itu, saya rasa itulah satu perkara yang perlu diambil perhatian yang serius untuk mengatasi masalah ini. Buat masa sekarang ialah kalau kita hendak pergi dari satu taman ke taman yang lain, mereka mesti melalui bandar Seremban, tidak ada jalan lain atau boleh by-pass pusat bandar itu. Oleh kerana itu bolehlah Tuan Pengerusi bayangkan setiap orang kalau hendak pergi ke taman A atau hendak pergi ke taman B mesti melalui pusat bandar, jadi ini sudah menjadi satu masalah yang begitu serius dan begitu ramai penduduk di Seremban sudah selalu bertanya-tanya bila agaknya kerajaan akan melaksanakan projek jalan lingkaran itu.

Tuan Pengerusi, sekarang ini kedua-dua kawasan Parlimen pun telah dimenangi oleh Barisan Nasional, jadi, saya harap kerajaan akan mengambil perhatian yang serius untuk memberi kemudahan ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin sebutkan ialah tentang KASEH Highway yang telah dirancang dan projek ini saya difahamkan masih di peringkat perancangan dan masih dalam perbincangan dengan pihak berkuasa negeri untuk menentukan alignmentnya tetapi malangnya projek ini tidak

memberikan maklumat langsung kepada Ahli-ahli Parlimen atau wakil rakyat Barisan Nasional, saya rasa inilah satu perkara yang perlu kita lihat, kalau boleh saya minta KASEH Highway ini buat satu taklimat kepada wakil rakyat Barisan Nasional supaya kita tahu tentang alignmentnya, tentang masalah yang dihadapi dan bolehlah kita bantu untuk selesai.

Saya cuma hendak bertanya sedikit tentang alignment yang berkenaan KASEH Highway ini sama ada benar atau tidak alignment KASEH Highway ini bila sampai Seremban akan melalui Kampung Baru Paroi dan bila sampai ke Kampung Baru Paroi kalau KASEH Highway kena buat interchange maka banyak rumah akan dirobohkan dan sama ini benar atau tidak, ada cadangan supaya alignment ini mesti melalui Kampung Baru Paroi. Jadi, ini satu perkara yang telah menjadi satu bahan yang telah disebutkan selalu mereka pun tidak tahu sama ada KASEH Highway ini akan melalui kawasan itu atau tidak.

Tuan Pengerusi, saya ingin sebut P.52 Butiran 02800 - Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Beberapa trunk road atau jalan menyambung KASEH Highway dan sebagainya telah begitu sesak dan tidak cukup besar lagi untuk kegunaan lalu lintas, umpamanya dari Jalan Rahang ke Senawang dan juga Jalan Rasah ke Mambau. Jalan ini telah tidak cukup besar dan bilangan lalu lintas telah bertambah, oleh kerana itu saya juga cadang supaya kerajaan atau JKR untuk membuat satu kajian dan merancang dengan lebih awal lagi untuk membesarkan sebahagian jalan yang saya sebut tadi.

Dan di Jalan Rahang juga terdapat sebuah jambatan dan tingginya tidak cukup, cuma 3.5 meter tinggi sahaja, jadi, oleh kerana itu ada kalanya lori yang tinggi itu telah melangkah jambatan itu, oleh kerana itu untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini maka saya bercadang supaya kerajaan mengambil satu langkah yang cepat untuk memperbaiki jambatan ini.

Lagi satu, jambatan lama di Jalan Rahang juga ke Tampin lama, jambatan ini adalah jambatan KTM, jambatan ini pun terlalu kecil dan cuma boleh melalui sebuah kereta pada satu masa sahaja. Jadi, kena menggunakan traffic light untuk membenarkan cuma sehalu sahaja, jadi itu pun ketinggalan masa tidak boleh menggunakan lagi. Oleh kerana itu, saya juga berharap JKR akan juga mengambil satu kajian dan juga langkah untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, Jalan Pajam-Nilai dan Mantin, jalan itu pun terlalu kecil dan perlu dinaikkan taraf lagi dan baru-baru ini sebuah jambatan dekat Kampung Baru Pajam pun telah rosak dan tidak boleh dipakai, buat sementara sebuah bailey bridge telah dibina tetapi tidak begitu selesa dan bilangan kenderaan yang menggunakan jalan itu begitu banyak oleh kerana itu saya berharap Kementerian Kerja Raya akan mengambil tindakan dengan segera untuk menggantikan dengan sebuah jambatan yang baru.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut P.52 Butiran 07800 - Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini bekalan air di Negeri Sembilan telah menjadi satu perkara yang selalu disebut-sebut dan selalu dilaporkan dalam surat khabar dan baru-baru ini saya lihat dalam surat khabar di Bukit Pelandok

selama dua bulan tidak mempunyai bekalan air. Jadi, ini satu perkara yang sangat rumit dan sudah sampai ke satu tahap bahawa penduduk di tempat itu tidak sabar lagi dan mereka baru semalam dalam surat khabar, mereka berkumpul hendak melawat Pengarah JBA di Seremban untuk menunjuk perasaan, sampai tahap itulah. Jadi, saya berharap Kementerian Kerja Raya akan mengambil perhatian yang serius terhadap perkara ini dan saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat dari JKR ini sama ada tahu atau, sedar atau tidak tentang bekalan air di seluruh Negeri Sembilan itu sama ada mencukupi atau tidak, sebab bekalan air ini adalah satu perkara yang sangat perlu, sangat musatahak. Cuba bayangkan kalau dua, tiga hari atau satu minggu tidak ada air di rumah kita, jadi kita rasa apakah keadaan tanpa air. Jadi, saya rasa itu menjadi satu masalah yang begitu rumit dan wakil rakyat Barisan Nasional adalah dijadikan satu sasaran.

Semalam saya di office ‘service tender’ saya terima satu panggilan, dia tanya apa Yang Berhormat boleh lakukan untuk menyelesaikan masalah bekalan air itu, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, saya jawab saya sedar, saya baca dalam surat khabar dan ikut jawapan yang diberikan oleh Pengarah JBA masalah ini cuma akan diselesaikan pada tahun depan, itu adalah satu perkara yang sangat rumit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato’ Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi, ini perkara mustahak, jadi saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengambil satu ingatan dan cepat-cepat berhubung dengan pihak JBA di Seremban atau Negeri Sembilan

supaya dapat satu maklumat yang lanjut dan nasihatkan apa-apa tindakan yang boleh diambil supaya kita dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan air di kawasan itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

**4.13 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara Jalan Raya dan Jambatan. Kita tahu bahawa kebelakangan ini pembinaan jalan raya tidak lagi menjadi tanggungjawab kepada kerajaan, sebaliknya ia semakin banyak diswastakan daripada sejak sebelum merdeka dan selepas merdeka, tanggungjawab membina jalan raya adalah tanggungjawab kerajaan kerana kerajaan telah pun mengambil cukai jalan, cukai di atas pembelian kereta, insurans, cukai ke atas insurans dan pelbagai cukai langsung dan tidak langsung.

Maka tanggungjawab pemungut cukai untuk kerajaan untuk memberi penyelesaian kembali kepada pembayar cukai khasnya kepada rakyat. Sejak kerajaan menswastakan pembinaan jalan raya, tanggungjawab kerajaan semakin dilepaskan, kutipan tol sebelum ini bertujuan untuk menampung sebahagian kos pembinaan jalan raya, kini sudah menjadi sumber pendapatan. Konsep pembinaan jalan raya, penyediaan kemudahan asas kepada rakyat sudah menjadi sumber perniagaan kepada syarikat-syarikat bahkan sekarang Malaysia telah memegang rekod dunia dalam perniagaan jalan raya. Sekarang telah muncul lebih dari 15 syarikat yang terlibat dalam pembinaan lebuhraya secara swasta dan banyak lagi syarikat-syarikat yang lain yang akan

menceburkan diri dalam perniagaan yang pasti tidak rugi. Kuala Lumpur sudah dikepung dengan tol, larilah ke mana pun kita tidak lepas dari tol, bahkan negara yang miskin dari Malaysia pun tidak menghadapi keponganan tol seperti di Kuala Lumpur sekarang ini.

Syarikat-syarikat baru muncul untuk membina lebuhraya dan menawarkan khidmat yang lebih baik, kerajaan pula bersetuju dengan mereka dan bermurah hati memberi tempoh yang cukup panjang kepada mereka untuk mengutip tol, misalnya kita lihat Jalan Cheras, tempoh diberi hingga tahun 2003, Jalan Pahang hingga tahun 2004, Lebuhraya Timur-Barat hingga tahun 2018, lebih kurang 20 tahun lagi, Sungai Besi-Kuala Lumpur hingga tahun 2018, Lebuhraya Utara-Selatan hingga tahun 2018, Lebuhraya Seremban-Port Dickson hingga tahun 2028 selama 30 tahun lagi, Kajang-Seremban - 33 tahun, Asam Jawa-Templer Park diberi sehingga 35 tahun untuk mengutip tol.

Kalau ini telah menjadi dasar kerajaan sekarang ini iaitu jalan raya diperniagakan, ia sudah lari dari konsep penswastaaan iaitu untuk memberi keselesaan dan juga menampung perbelanjaan kerajaan tetapi sekarang satu perniagaan yang tidak mungkin rugi. Kalau dilihat Lebuhraya Utara-Selatan sejak tahun 1988 ianya dibuka sudah mengalami kenaikan sebanyak enam kali, peningkatan tol sebanyak 100%, bayangkan apa akan berlaku di lebuhraya tersebut nilai tol yang akan kita bayar pada tahun 2018. Pada 1 Januari 1998 akan berlaku lagi kenaikan tol di Lebuhraya Utara-Selatan. Kalau diambil PLUS sebagai satu bayangan kepada syarikat-syarikat lain yang terlibat dalam membina jalan raya iaitu lebih dari 15 syarikat, maka kita akan lihat kenaikan

ini akan berlaku secara seimbang di antara jalan-jalan raya dimiliki oleh syarikat tersebut. Menteri Kerja Raya kita lihat ikut sahaja, beliau tidak berusaha ataupun cuba berusaha untuk membawa ke Kabinet kembali membincang perkara ini tetapi kita lihat mereka turut bahkan Menteri berkenaan bangga dengan lebuhraya tol yang ada di Malaysia, bahkan berucap berkali-kali untuk mengeksport cara pembinaan lebuhraya Malaysia ini ke India.

Kenapa kita berbangga untuk mengeksport penindasan? Kita mesti mengeksport keadilan. Negeri India yang rakyatnya serba miskin, kita hendak bawa cara yang dibuat di Malaysia ini ke negeri itu, ertinya kita mengeksport penindasan. Dan kita lihat janji peringkat awal dahulu iaitu penswastaaan jalan raya ini di antaranya untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama di Lembah Kelang, apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kita lihat bahawa kesesakan di Lembah Kelang bertambah-tambah sekarang ini bahkan Kuala Lumpur sudah menjadi seperti Bangkok.

Akhbar *Straits Times* semalam mendedahkan bahawa perkembangan ekonomi negara kita tahun depan mungkin disekitar 5.8%, inflasi di antara 5% hingga 6%, sudah tentu penyumbang kepada inflasi ini salah satunya ialah tol lebuhraya ini dan kerajaanlah yang bertanggungjawab di antaranya yang menyebabkan inflasi ini bertambah.

Kita lihat satu perniagaan yang tidak menanggung risiko ialah perniagaan jalan raya, bagaimana jalan raya ini kadar tolnya membuat keuntungan yang begitu besar. Tahun 1992 Lebuhraya Utara-Selatan untung

sebelum cukai RM51 juta, tahun 1993 - RM62 juta, tahun 1994 - RM111 juta, tahun 1995 - RM165 juta, tahun 1996 - RM295 juta. Dan mereka ambil dari pengguna-pengguna yang telah membayar road tax, yang telah membayar pelbagai jenis cukai tadi.

Jadi, kalau ini menjadi trend kepada kerajaan kepada Kementerian Kerja Raya, kita bimbang penindasan ini akan terus berlaku dan pegawai-pegawai kerajaan terutama sekali orang yang makan gaji tetap, selain daripada peniaga memikul beban yang cukup berat hasil daripada tol mengepung Kuala Lumpur sekarang ini. Tetapi usul tidak boleh bawa tadi, berucap pun ada lain.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin bertanya juga tentang 010000 - Pengurusan Am termasuklah pembinaan bangunan. Bagaimana pihak JKR rekomen ataupun pihak JKR disuruh untuk memperbaiki rumah Menteri Besar Selangor dalam keadaan kejatuhan nilai mata wang, dalam keadaan ekonomi meleset yang kosnya dari RM3.5 juta naik kepada RM5 juta. Sehingga Perdana Menteri sendiri pun hendak tahu bagaimana JKR dan juga pihak Kerajaan Negeri Selangor boleh meneruskan projek memperbaiki rumah Menteri Besar sebanyak RM5 juta yang anggaran belanjanya sebelum itu RM3.5 juta. Jadi, kita ingin tahulah jawapan dari pihak kementerian hari ini bagaimana projek ini boleh diteruskan dalam keadaan Kabinet telah mengarahkan termasuk mengarahkan menteri-menteri supaya bercuti di dalam negeri dan mengurangkan segala bentuk perbelanjaan yang tidak perlu.

Adakah membina rumah atau memperbaiki rumah Menteri Besar Selangor ini terlalu diperlukan dan ini 'urgent matter' yang perlu dibuat oleh

JKR kalau dibandingkan dengan kerosakan jalan raya akibat banjir, jambatan patah dan jalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi, itu perkara kedua - tak penting. Lebih penting membaiki rumah Menteri Besar, ini kita harap penjelasan yang sungguh-sungguh sebab rakyat cukup panas hati bila membaca berita itu termasuk Perdana Menteri juga panas hati.

Saya juga ingin bertanya tentang 00500 - Jalan Simpang Pulau Lojing-Gua Musang-Kuala Berang yang peruntukannya kali ini RM66.5 juta, setakat mana projek ini berjalan sekarang dan berapa peratus ianya siap dan kajian dari pihak environment, adakah dibuat sepenuhnya sebab kawasan ini melintasi kawasan Lojing, kawasan yang dianggap kalau berlaku sedikit kerosakan boleh mencemarkan keadaan sekeliling dan juga di kawasan-kawasan hilir di negeri Perak dan juga di negeri Kelantan.

Butiran 020000 - Jalan dan Jambatan Pasir Mas, Kelantan sebanyak RM3 juta. Saya difahamkan ini adalah jambatan baru yang akan dibina dan bilakah ia akan dimulakan dan setakat ini status mana, setakat mana telah dibuat penyelenggaraan untuk membina jalan ini kerana ini adalah jalan di kawasan saya iaitu kawasan Kubang Kerian ke Pasir Mas. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Parit Sulong.

**4.23 ptg.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Kepala B.52 dengan pecahan kepada Butiran 020100 - Pentadbiran Am Jalan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini saya ingin memanjangkan permohonan dari kawasan saya iaitu Parlimen Parit Sulong untuk membina sebuah jambatan kedua di Sungai Simpang Kiri, Batu Pahat. Jambatan yang pertama sekarang ini adalah di pekan Parit Sulong dan jambatan yang kedua yang saya pohon untuk menyambungkan Sungai Simpang Kiri, Batu Pahat di antara Kampung Parit Mantan dan juga Kampung Separak di dalam Mukim 4, Batu Pahat.

Sekarang ini di kedua-dua belah tebing ini wujud dua kawasan pembangunan yang besar, di sebelah Parit Mantan wujud satu bandar baru yang dipanggil Taman Putera iaitu sebuah pusat bandar yang mempunyai juga taman perindustrian yang mempunyai pusat rawatan swasta, mempunyai pusat pengajian tinggi dan juga akan menjadi kawasan kepada stadium daerah Batu Pahat. Di balik sebelah sini juga wujud satu taman perindustrian iaitu Taman Perindustrian Seri Sulong yang juga mempunyai taman perumahan dan juga kawasan-kawasan perindustrian. Ini akan memudahkan mobilisasi pekerja di antara dua kawasan. Sekarang ini, pekerja-pekerja daripada satu sebelah sungai ke kawasan yang lain terpaksa berjalan ataupun menggunakan kenderaan sejauh lebih kurang 20 kilometer untuk sampai ke arah destinasi pekerjaan masing-masing. Tetapi sekiranya ada wujud sebuah jambatan yang dicadangkan ianya akan mengurangkan kadar perjalanan lebih kurang 12 kilometer.

Kos yang telah pun dianggarkan oleh Jabatan Kerja Raya daerah Batu Pahat adalah RM8.9 juta dan perkara ini telah pun diluluskan oleh Majlis

Tindakan Pembangunan Daerah Batu Pahat telah pun dibawa kepada negeri Johor dan telah pun saya panjangkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana salinannya akan saya panjangkan kepada Kementerian Kerja Raya.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya merujuk kepada Kepala P.52 Butiran 03000 - Penswastan Lebuhraya Utara-Selatan dan di bawah Kepala 02300 - Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah membuat satu kenyataan yang saya rasa mengundang rasa tidak puas hati yang amat sangat dari seluruh rakyat iaitu kenyataan di mana mengatakan tanpa mengambil kira situasi dan keadaan ekonomi negara, kerajaan akan terus memikirkan mengenai kadar kenaikan tol untuk pengguna-pengguna Lebuhraya Utara-Selatan.

Saya tahu pihak kerajaan memang telah terikat dengan perjanjian penswastan dalam konteks ini dan kemungkinan perkara ini tidak boleh dielakkan, yang boleh dielakkan adalah tanpa membuat kenyataan. Jadi, saya harap Menteri Kerja Raya yang selalu datang membuat jawapan-jawapan kepada Dewan Rakyat hari ini hanya menghantar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan peka dalam hal ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan seluruh Kabinet bekerja keras untuk memulihkan keyakinan rakyat di dalam suasana kita berhadapan dengan krisis ekonomi, tetapi seorang anggota Kabinetnya membuat kenyataan yang pada pandangan saya cukup memarahkan rakyat iaitu apabila mengatakan dalam hitam putih, saya lupa hendak bawa keratan akhbar hari ini, tanpa mengambil

kira situasi ekonomi, dia kata, kita akan terus membuat - buatlah, siapa yang tidak beri buat? Cuma jangan cakap dengan surat khabar, jangan hebah kepada rakyat kerana ini akan menambahkan accumulation, marah rakyat ini seolah-olah kerajaan tidak sensitif terhadap apa yang berlaku terhadap negara dan nasib yang akan menimpa rakyat.

Saya menyuarakan perkara ini supaya jangan pihak pembangkang yang buat, biar kami yang menegur bahawa perkara ini tidak seharusnya dihebahkan. Jangan diulang lagilah kenyataan-kenyataan yang seperti ini di dalam kita mahu meredakan perasaan dan jiwa rakyat. Saya harap juga di dalam hal ini, dalam konteks tol dan pelaksanaan lebuhraya, banyak lagi lebuhraya baru akan diswastakan - bagus. Saya tidak berpendirian seperti Kubang Kerian kerana saya tahu dan semua orang sebenarnya mengiktiraf bahawa lebuhraya yang ada di seluruh negara hari ini telah memudahkan perjalanan, telah dapat menggalakkan perkembangan negara. Cuma yang saya ingin suarakan pada hari ini dalam waktu kita memberi konsesi lebuhraya atau penswastaan lebuhraya di masa akan datang, tolong berhati-hati dengan kontrak perjanjian, jangan diwujudkan, diizinkan lagi perjanjian-perjanjian yang hanya memihak kepada pemenang konsesi.

Timbalan Menteri Kerja Raya pernah memberitahu Dewan yang mulia ini lebih kurang sebulan yang lalu menerusi soalan-soalan mulut, bahawa di dalam perjanjian-perjanjian di antara beberapa perjanjian dengan pemenang konsesi lebuhraya hari ini, kerajaan seolah-olah dalam keadaan terikat, tangan sudah terikat, tidak boleh hendak renegotiate, tidak boleh negotiate semula walau dalam keadaan apa sekali pun, adakah ini yang dikehendaki oleh kerajaan?

Jadi, pada ketika itu saya cuba membuat soalan tambahan dan tidak dapat peluang, jadi hari ini saya dapat peluang bercerita dan melahirkan rasa hati saya bahawa saya berharap pihak kerajaan di dalam menganugerahkan konsesi penswastaaan, khususnya lebuhraya pada masa akan datang, tolonglah berhati-hati dan kajilah setiap kontrak supaya tidak menjadikan kerajaan dan rakyat jelata di dalam keadaan terbelenggu ataupun the hands tight. Jangan kita jadikan kerajaan sebagai pihak yang terbelenggu oleh kontrak. Kita yang memberi, kita yang terbelenggu. Ini hakikat keadilan apa yang ingin dipancarkan menerusi kontrak sedemikian.

Saya yakin pihak kerajaan menerusi pejabat Peguam Negara, kita mempunyai top notch lawyers, kita mempunyai peguam-peguam yang boleh mengesan dan menghidu ketidakadilan di dalam sesuatu kontrak. Saya percaya, saya yakin kepada kemampuan mereka. Jadi janganlah umpamanya ada yang tersilap pandang dan tidak terhidu perkara-perkara yang tidak mencerminkan keadilan untuk rakyat jelata. Kami tidak rela. Yang sudah, sudah, akademik untuk dibincang. Tetapi yang akan datang, tolonglah berhati-hati. Jangan sekali lagi ataupun beberapa kali lagi diizinkan kerajaan yang memberi konsesi-konsesi penswastaaan dibelenggu tangan sehingga menimbulkan keadaan ketidakadilan kepada rakyat jelata seluruhnya di negara ini. Saya harap perkara ini akan dipandang serius oleh pihak Setiausaha Parlimen dan kalau tidak hendak jawab pun tidak apalah, rekod sahaja, tunjuk apa yang kita suarakan ini kepada menteri supaya boleh dipanjangkan kepada pihak yang berkuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Pada waktu yang sama saya rasa di dalam hal ini terbabit juga dengan EPU, iaitu badan terakhir yang mengendalikan dan menyelia pemberian kontrak konsesi penswastaaan. Kalau JKR dia punya tuan rumah, EPU jadi pihak yang meluluskan (approving authority). Kalau EPU mungkin tersalah pandang, JKR kena tegur. Kalau JKR tak terpandang, EPU nampak, EPU pula yang kena tegur. Hasilnya the bottom line janganlah kerajaan dibelenggu, jangan rakyat menerima hasil ketidakadilan, that is the bottom line.

Pada waktu yang sama, Tuan Pengerusi, saya berharap dalam keadaan ekonomi kita yang tidak menentu setahun, dua tahun lagi, kalau ada kontrak-kontrak penswastaaan jalan raya yang menuntut supaya mereka diizinkan untuk menaikkan tol, tangguh dahulu. Kita mahu melihat semangat pengorbanan keluarga korporat Malaysia yang menerima hasil penswastaaan kerajaan. Kalau pengorbanan mereka, kesediaan mereka, komitmen mereka mahu diuji, sekaranglah waktunya kita uji

mereka. Apabila rakyat dan kerajaan menuntut komitmen mereka, sacrifices dia, waktu sekaranglah kita menuntut.

Jadi menerusi Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, saya berharap rakan-rakan, sahabat-sahabat warga korporat yang menerima konsesi projek penswastaaan kerajaan yang membabitkan review dari segi caj dan fee, umpamanya dalam bentuk tol jalan raya, janganlah menuntut dalam waktu kita sedang berhadapan dengan suasana ekonomi yang tidak menentu. Itu kami sangat-sangat berharap dan semoga tidak dijadikan bahan oleh orang yang memang sentiasa mahu melihat perkara-perkara yang mereka fikir boleh dijadikan political issues. Contohnya, pihak kawan-kawan saya di sebelah sana, Yang Berhormat dari Teluk Intan saya hendak beri warning yang keras pada hari ini, saudara baru masuk dalam Dewan tolong sedikit appreciate the sensitivity, jangan sekali lagi panggil kuorum waktu sembahyang. Itu amaran pertama.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk! Saya tak minta jalan pun. Duduk.....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Menyampuk]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak ada, duduk. Saya beri amaran bagi pihak Backbenchers Barisan Nasional hari ini, tolong jangan panggil kuorum waktu maghrib.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Point of order.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terkeluar.

**Tuan Pengerusi:** Dia tak beri jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kepada pihak pembangkang yang lain.....

**Tuan M. Kulasegaran:** 36(1), terkeluar.

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak bersangkutan dengan point of order, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** 36(1), terkeluar, apa topik? Mana ada di.....

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kepada pihak pembangkang yang lain, jangan mengatakan bahawa Barisan Nasional tidak prihatin, tidak dapat melihat kepada diri sendiri. Hari ini saya sebagai Backbencher Barisan Nasional, kami berjaya melihat kepada diri sendiri, di mana ada kelemahan kami tegur dan waktu ini juga saya minta tolong jangan jadikan isu-isu yang agak menonjol sebagai political mileage that further aggravate the economy situation of the country, dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Itulah sahaja pandangan saya dalam konteks ini dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Senai.

**4.37 ptg.**

**Datuk Lim Si Cheng [Senai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk mengenai Lembaga Lebuhraya Malaysia. Saya memang menyokong penuh terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Tuan Pengerusi, Belanjawan 1998 ini memang dibentang dalam suasana berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya selepas negara dilanda masalah ekonomi, penurunan nilai Ringgit dan kejatuhan pasaran saham. Tumpuan belanjawan kali ini adalah menjuruskan kepada meningkatkan eksport bagi memulihkan keadaan ekonomi negara yang terjejas akibat kejatuhan mata wang. Jadi dasar perbelanjaan ikut perut telah mencerminkan kesungguhan kerajaan mengawas sebarang kesan negatif kejatuhan nilai wang dan ancaman inflasi. Jadi saya berpendapat bahawa adalah tidak wajar PLUS menaikkan kadar tol di seluruh negara kita.

Tuan Pengerusi, sejak tahun 1989 Lebuhraya Utara-Selatan diswastakan, sehingga tahun lepas (1996) PLUS sudah kutip RM2.6 bilion dan hanya membelanjakan kurang daripada RM400 juta untuk menyelenggarakan lebuh raya ini. Jadi kenaikan pungutan tol yang tinggi ini memang telah membebankan rakyat. Langkah kenaikan tol ini sememangnya bercanggah dengan matlamat kerajaan menggalakkan semua pihak menabung wang dan mengurangkan perbelanjaan untuk menghadapi krisis ekonomi sekarang. Jadi, saya juga menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, cadangan untuk menaikkan tol ini perlu ditangguhkan.

Tuan Pengerusi, sungguhpun kerajaan terikat dengan perjanjian, akan tetapi PLUS juga harus diingatkan bahawa mereka tidak boleh hanya memikirkan keuntungan diri sahaja. Mereka juga bertanggungjawab kepada masyarakat dan sosial. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bagan.

**4.40 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020000 Jalan dan Jambatan. Saya suka menyentuh berkenaan dengan Jambatan Pulau Pinang.

Tiap-tiap hari kami ada nampak pekerja-pekerja menjalankan kerja-kerja memperbaiki struktur jambatan ini dan ini telah menimbulkan satu persoalan sama ada struktur Jambatan Pulau Pinang ini adalah selamat dan kukuh. Dan juga jambatan ini sejak ia dibina, trafik kian bertambah dan kesesakan trafik di Jambatan Pulau Pinang ini telah sampai satu tahap yang serius. Tiap-tiap hari kenderaan berqueue dengan panjang di atas jambatan ini. Sekiranya kalau ada sedikit kesilapan, maka akan berlaku kemalangan trafik. Jikalau kemalangan trafik berlaku di atas jambatan kerana kesesakan lalu lintas dan kenderaan penyelamat atau towing truck tidak dapat masuk ke jambatan ini dan ini mengakibatkan trafik tergendala sehingga tiga jam pada satu kali ia berlaku kemalangan.

Tuan Pengerusi, dalam perjanjian penswastan jambatan ini pihak penswastan perlu menyediakan lagi satu lorong tambahan kepada yang sedia ada, iaitu pada masa sekarang di sebelah kiri ada dua lorong, di sebelah kanan ada dua lorong dan dalam perjanjian, pihak penswastan perlu tambah lagi satu lorong di tiap-tiap sebelah, menjadi tiga lorong. Terdapat berita-berita bahawa mereka tidak bersedia untuk menambahkan satu lorong lagi tetapi mereka ingin mencadangkan mengadakan satu lagi jambatan gantian atau satu terowong gantian dalam hal ini. Saya minta kementerian memberi satu jawapan sama ada satu keputusan muktamad telah dibuat berkenaan dengan pelebaran atau pembesaran Jambatan Pulau Pinang ini.

Juga kerana kesesakan lalu lintas di atas jambatan ini, maka timbullah satu soalan bahawa setiap hari sebenarnya ada berapa bilangan buah kenderaan memakai jambatan ini dan jumlah kutipan yang boleh dikutip pada setiap hari. Dan juga satu saranan di mana motosikal sekarang perlu membayar RM1.60 untuk menggunakan jambatan ini. Jambatan ini merupakan satu bahagian dari lebuhraya dan lebuhraya di seluruh Malaysia ini motosikal tidak perlu membayar tol sama sekali. Mengapa di Jambatan Pulau Pinang ini motosikal perlu membayar RM1.60 bagi menggunakan jambatan ini? Bolehkah kerajaan menimbangkan supaya penunggang-penunggang motosikal dikecualikan untuk membayar tol demi untuk meringankan bebanan golongan pekerja di Pulau Pinang ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 02000 Skim Mengatasi Kesesakan Lalu Lintas di Pulau Pinang. Satu jumlah RM40 juta telah diperuntukkan untuk projek ini. Saya nampak kesesakan lalu lintas di bandar-bandar dan di mana-mana tempat ialah kerana wujudnya traffic light. Satu cara (solution) untuk mengatasi traffic light ini adalah untuk membuka terowong atau jalan bawah tanah. Jikalau hendak membina jejambat atau jejantas yang mungkin akan memakan belanja yang lebih tinggi, satu cara ialah

untuk membina jalan bawah tanah. Saya tidak nampak ada satu jalan bawah tanah atau satu jambatan pernah dibina di Pulau Pinang ini selama 15 tahun ini.

Saya ambil misalannya satu jalan baru di Butterworth di mana ia di simpang empat persimpangan Jalan Heng Chun Thiam, Jalan Siram, Jalan Sungai Nyior dan Butterworth-Kulim Express Way. Ini adalah satu persimpangan baru, sangat lebar, tiga lorong di sebelah sini dan tiga lorong di sebelah sana. Saya pernah bertanya satu soalan mengapa ia tidak membina jejantas atau jalan bawah supaya mengelakkan traffic light ini. Jawapannya ialah ia akan memakan belanja yang sangat tinggi dan pada masa sekarang ia cukup boleh mengendali traffic volume. Tetapi saya agak dalam dua tiga tahun ia akan menjadi satu punca kesesakan lalu lintas dan mengapa kerajaan tidak merancang pada mulanya semasa membina ia dahulu. Jikalau hendak membina kemudian, ia akan memakan belanja yang lebih banyak. Itulah antara satu cara untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang ini. Dan juga saya nampak pengangkutan awam (public transport) di Pulau Pinang ini cukup tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya pernah bangkitkan jalan-jalan Persekutuan, baik pun jalan-jalan negeri dikorek oleh pihak-pihak seperti TNB, Telekom atau Pihak Berkuasa Air dan tidak dibaiki dengan sempurna. Antaranya saya kata, Jalan Persekutuan Permatang Pauh, Jalan Persekutuan Sungai Dua dan Padang Lalang di Bukit Mertajam telah dikorek oleh Telekom di tengah-tengah jalan. Mereka mengorek satu saluran untuk menanam saluran-saluran plastik untuk Telekom dan ditambun, diperbaiki dengan tidak sempurna. Selepas hujan, ia menjadi lubang-lubang, inilah mengakibatkan kemalangan trafik dan menyebabkan kesesakan lalu lintas juga. Selepas saya membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada peringkat polisi, sampai sekarang telah tiga minggu tidak ada apa-apa tindakan dijalankan. Saya tidak tahulah sama ada kementerian datang dengar di sini, tetapi tidak ada tindakan (action) dijalankan untuk membaik pulih dengan sempurna. Saya dapati bahawa setiap pengorekan ia perlu mendapat keizinan atau kebenaran dari pihak JKR dan satu jumlah deposit perlu diberi kepada JKR. Di mana technicians JKR? Selepas mereka korek, kalau didapati mereka tidak membaiki dengan sempurna, pakailah deposit itu untuk memperbaikinya. Mengapa ragu-ragu untuk memakai depositnya?

Tuan Pengerusi, akhirnya Butiran 03100 Jalan Genting Highlands/Bukit Fraser/Cameron Highlands, satu jumlah RM2.7 juta telah diperuntukkan untuk tahun depan bagi projek ini. Bukankah kerana kemelesetan ekonomi negara kita, kerajaan telah membekukan projek lebuhraya pergunungan

ini? Mengapa masih terdapat satu jumlah RM2.7 juta diperuntukkan untuk projek ini? Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

**4.49 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 09100 Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Selangor yang telah diuntukkan sebanyak RM12,800,000 pada tahun depan sebagai pinjaman.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah menyatakan bahawa Lembah Kelang akan menghadapi kekurangan air 100 juta liter pada tahun hadapan. Kenyataan ini telah memberi satu kesan kepada rakyat terutama sekali penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Lembah Kelang ini dan juga baru-baru ini kenyataan daripada Persatuan Air Malaysia juga meramalkan mengalami masalah bekalan air menjelang tahun 2000 jika sistem agihan bekalan air tidak diperbaiki dan sungai tidak dipelihara.

Tuan Pengerusi, dengan adanya kenyataan-kenyataan yang demikian itu walaupun saya difahamkan bahawa bekalan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, tetapi oleh kerana Bahagian Bekalan Air di Kementerian Kerja Raya sebagai badan koordinasi, jadi kementerian sepatutnya berunding dan berbincang lebih awal dengan Jabatan Kerja Air Selangor cara mana untuk merancang satu perancangan terperinci untuk atasi masalah yang akan dihadapi kerana masalah ini telah diumumkan dan kita dapat kenyataan pada masa akan datang, maka ini penting untuk diatasi dengan segera.

Tuan Pengerusi, oleh kerana projek Pusat Pentadbiran Putrajaya, Cibercity dan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang yang akan dimulakan tidak lama lagi di mana bekalan air akan diuntukkan di kawasan ini, ialah daripada Sungai Selangor atau program Sungai Semenyih kerana projek yang raksasa ini penting yang dapat bekalan air yang besar volumnya. Jadi saya kawatir kalau tidak ada perancangan yang terperinci dan tidak akan menggunakan skim Sungai Selangor yang akan datang, saya rasa masalah besar akan dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan Serdang yang berhampiran dengan Pusat Pentadbiran Putrajaya ini, termasuk Puchong dan Balakong. Setiap masa satu projek yang ditentukan oleh kerajaan, maka keutamaan bekalan air ini mesti diberi dahulu. Untuk memberi bekalan air itu, maka tekanan air di sebelah kawasan akan kurang.

Satu contoh, Tuan Pengerusi, baru-baru ini UPM telah menghadapi kekurangan tekanan air selama sebulan. Saya difahamkan air di Semenyih Dam memang cukup, memang memadai, tetapi apa sebab kekurangan air di UPM. Ada yang mengatakan air telah dialih ke satu kawasan kerana untuk menjalankan kegiatan komersial yang terpenting di kawasan tersebut. Saya tidak tahu sama ada betul atau tidak, tetapi pentingnya salah anggapan ini mungkin mencetuskan satu masalah besar di kawasan tersebut. Saya tidak mahu oleh kerana bekalan air untuk Putrajaya, untuk Lapangan Terbang Antarabangsa yang akan datang, kawasan Serdang jadi mangsa. Jadi, sebab itulah saya minta Jabatan Bekalan Air di kementerian berunding dengan Jabatan Kerja Air Selangor untuk mengatasi masalah lebih dahulu sebelum timbul masalah.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Butiran 02300 Lembaga Lebuhraya Malaysia dan juga Butiran 70000 Memperelok Jalan-jalan. Saya akan membangkitkan satu lebuhraya yang baru diswastakan dipanggil Lebuhraya Penyuraian Trafik Kajang telah diswastakan kepada Syarikat Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang Sdn. Bhd. Saya telah dapat gambaran dan telah mengkaji terhadap program penswastakan lebuhraya ini, saya sebagai wakil rakyat kawasan, kerana Lebuhraya Penyuraian Trafik Kajang ini terlibat dengan kawasan saya 40%. Saya mengambil berat terhadap keadaan kedudukan sebenarnya berlaku di kawasan saya.

Saya dapati beberapa kecacatan dan kelemahan semasa persetujuan penswastakan dijalankan. Yang pertama, Tuan Pengerusi, projek lebuhraya itu terlibat dengan Jalan Sungai Chua, didapati jarak setengah kilometer dari pembesaran Jalan Sungai Chua ke Kajang tidak mengambil kira dalam program pembesaran itu yang akan menjadikan kesesakan di Jalan Sungai Chua. Masalah ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah Hulu Langat sebelum perjanjian ditandatangani. Semasa wakil Lembaga Lebuhraya datang untuk memberi taklimat (brief) kepada ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pembangunan tersebut, saya telah membangkitkan perkara ini apa sebab setengah kilometer di Jalan Sungai Chua dikeluarkan atau dikecualikan? Ini akan menjadi masalah besar. Tetapi mesyuarat telah memutuskan bahawa minta pihak JKR mengemukakan cadangan supaya mengambil kira setengah kilometer itu. Walaupun wakil Lembaga Lebuhraya Malaysia bersetuju pada dasarnya, tetapi pada 8 Oktober tahun ini, semasa perjanjian ditandatangani di hadapan Yang Berhormat Menteri, selepas tandatangan dijalankan, saya dapati nyata setengah kilometer di Jalan Sungai Chua ini tidak diambil kira. Apa jadi kecacatan ini? Projek lebuhraya dijalankan untuk

kepentingan rakyat, saya memberi sokongan, tetapi saya ada hak untuk menegur di mana kecacatan dan kelemahan telah berlaku semasa merangka, membentangkan program penswastaan tersebut.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya pernah membangkitkan semasa berbincang peruntukan Jabatan Perdana Menteri dalam peringkat Jawatankuasa, saya telah meminta pandangan daripada Timbalan Menteri bagi pihak Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan EPU sebab projek/program penswastaan akan dikaji oleh EPU. Selain daripada apa yang saya cakapkan tadi di Jalan Sungai Chua, setengah kilometer tak ada jimat, jadikan jalan itu sempit dan akan jadi sesak. Ini akan rosak, akan jadikan masalah besar, isu politik, DAP akan gunakan dalam kempen pilihan raya akan datang, tengok Yang Berhormat Ahli Parlimen tidak buat bantahan demikian, tetapi saya sudah tahu, saya sediakan payung sebelum hujan.

Tuan Pengerusi, sebab itu saya sudah tanya apa sebab 660 meter daripada persimpangan Jalan Balakong dengan Jalan Sungai Besi dikecualikan? Jawapan Yang Berhormat dari Chenderoh, saya bukan salahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, timbalan menteri hanya dapat nota daripada pegawai, dia kata, sebab itu tidak dapat dijalankan - minta maaf, Tuan Pengerusi, saya bacakan sedikit, *'kerana 660 meter itu telah dilebarkan oleh pihak pemaju dengan tiga lorong dua hala sehingga ke persimpangan Jalan Balakong-Jalan Sungai Besi. Dengan demikian, tidak ada keperluan lagi untuk memasukkan ke dalam konsesi penswastaan ini'*. Satu hari saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke kawasan itu menyaksikan betulkah atau tidak, tiga lorong dua hala atau tidak? Kalau sampai masa itu mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan belanja saya makan. Saya tinggal di kawasan itu, tiap-tiap hari saya pergi melawat kawasan ke Balakong, separuh betul, separuh tak betul, separuh tiga lorong dua hala, tetapi di hadapan sedikit, dua lorong, dua lorong, menjadikan kesesakan jalan raya tersebut.

Tuan Pengerusi, inilah kecacatan, kelemahan. Kerajaan Barisan Nasional telah memberi/membina kepada rakyat. Semasa program penswastaan dijalankan apa sebab dua tempat di Sungai Chua, Kampung Sungai Chua dengan pengundinya 8,000. Di Balakong 660 meter dikecualikan, apa jadi ini? Jangan untuk menjaga segelintir kepentingan individu sahaja. Yang pentingnya rakyat di Serdang, beribu-ribu rakyat yang terlibat dengan jalan raya yang penting ini. Saya harap Lembaga Lebuhraya, EPU, Kementerian Kerja Raya berilah satu kebijaksanaan untuk rakyat dan jangan jadikan satu alasan bagi menambah modal politik kepada DAP. Ini tidak munasabah, tidak logik, di mana ada sebab untuk kurangkan, itulah sebab Jalan Sungai Besi akan dilebarkan kepada tiga

lorong dua hala dan Jalan Balakong kepada tiga lorong dua hala, di tengah-tengah sampai persimpangan itu tidak diambil kira. Selepas itu saya dapat tahu, walaupun beberapa perundingan sedang dijalankan dengan pihak syarikat konsesi supaya penyelenggaraan bagi jalan sejauh 660 meter tersebut dikendalikan oleh syarikat konsesi, bolehkah? Perjanjian sudah ditandatangani. Apa sebab syarikat konsesi akan ambil masalah ini? Tidak ada tanggungjawab obligasi sosial, hanya kerana tolong, boleh, tetapi tak tolong, boleh. Ini menjadikan masalah besar, Tuan Pengerusi. Saya terpaksa panggil kerana perkara ini penting.

Satu kecacatan lagi, 12 persimpangan bertingkat akan dibina di sepanjang jalan raya ini, tetapi apa sebab sampai Balakong, Kampung Balakong yang dahulu diwakili oleh Yang Berhormat Kepong, dia akan gunakan isu ini pada masa akan datang. Kampung Balakong dan Tanming Jaya, kawasan ini diasingkan oleh Jalan Balakong, tetapi apa sebab 12 persimpangan bertingkat akan dibina, tetapi tanpa dibuat di persimpangan itu di mana biarkan rakyat akan pusing di bawah, dua kilometer akan pusing balik jadikan U-turn. Ini tidak ada logik. Saya tidak tahu apa sebab buat demikian. Adakah Lembaga Lebuhraya, EPU, Kementerian Kerja Raya abaikan kepentingan rakyat sedemikian itu? Saya sebagai wakil rakyat kawasan terpaksa tegur, beri pandangan, tetapi kita tidak setuju apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong di mana minta pihak ahli-ahli Barisan Nasional bergabung dengan mereka untuk menubuhkan satu gabungan, ini bukan cara kita. Cara Barisan Nasional untuk menegur, beri pandangan supaya biarkan Jemaah Menteri Kabinet akan timbangkan seperti apa yang dikatakan tadi. Ini caranya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih banyak, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Kelang.

### **5.03 ptg.**

**Dr. Tan Yee Kew [Kelang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin memperkatakan Maksud P.52, Butiran 03600 Jalan dan Jambatan ke Pulau Indah, Pelabuhan Kelang.

Tuan Pengerusi, Pelabuhan Kelang adalah salah sebuah pelabuhan tertua di negara ini dan bandarnya telah didirikan sejak lebih kurang 100 tahun yang lalu. Oleh itu, kita faham bahawa infrastrukturnya tidak lagi sesuai untuk menampung situasi dan trafik yang ada sekarang. Kita mengalu-alukan sebarang projek yang akan meningkatkan infrastruktur pelabuhan dan juga bandarnya. Kita turut faham bahawa penghubung pengangkutan yang cekap antara Pelabuhan Utara dan Pelabuhan

Barat yang baru dibangunkan di Pulau Indah adalah perlu agar dapat memudahkan pelaksanaan kerja-kerja di pelabuhan. Walau bagaimanapun, kita juga ingin melihat projek ini dirancang dan diselaraskan dengan sempurna.

Sesiapa sahaja yang pergi ke Pelabuhan Kelang hari ini akan berasa terperanjat apabila berhadapan dengan keadaan bandar yang begitu teruk sekali dimusnahkan oleh kerja-kerja pembinaan raksasa yang sedang dijalankan sejak projek ini, iaitu pembinaan jalan dan jambatan ke Pulau Indah itu dimulakan pada awal tahun. Saya telah menerima begitu banyak aduan daripada penduduk dan masyarakat peniaga di Pelabuhan Kelang. Aduan-aduan ini termasuklah yang berkaitan dengan kesesakan lalu lintas, kemalangan, jalan-jalan yang tidak boleh digunakan, gangguan elektrik dan air, lumpur, habuk, nyamuk dan berkurangnya perniagaan. Semua ini berlaku kerana tidak adanya perancangan yang sempurna dibuat untuk projek ini dan lebih mustahak lagi ia tidak mengambil kira akan orang-orang yang hidup dan bekerja di bandar tersebut.

Kebanyakan daripada bangunan di Pelabuhan Kelang telah usang dan jalan rayanya adalah sempit dan tidak banyak ruang yang ada untuk menampung sebarang pembesaran jalan. Oleh itu, membina lebuh raya atau jalan raya melalui bandar yang sedemikian untuk menampung kenderaan berat yang membawa muatan dari dan ke Pelabuhan Kelang serta ke semua bahagian negara adalah suatu perancangan yang kurang bijak. Saya percaya pereka pelan projek telah memilih jarak yang paling dekat antara dua pelabuhan ini untuk membina jalan raya yang akan menjadi penghubung Pulau Indah dengan lebuh raya yang lain. Ini mungkin merupakan perancangan yang terbaik di atas kertas, tetapi adakah pihak pereka pelan pergi ke tapak berkenaan bagi membuat tafsiran akan kemungkinan berlakunya gangguan dan bahaya ke atas bangunan, sistem pengangkutan dan orang-orang yang tinggal dan bekerja di bandar kecil itu tatkala projek ini dilaksanakan. Tidak adakah alternatif lain selain daripada kawasan bandar untuk membina jalan raya ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana pembinaan jalan raya ini telah bermula maka terpaksa rakyat setempat berterusan mengalami kesusahan hidup dan kerugian buat selama setahun lagi. Walau bagaimanapun, saya ingin merayu kepada pihak berkuasa yang berkenaan terutama sekali pihak JKR agar mengambil langkah memperbaiki keadaan dengan menyediakan jalan-jalan lingkungan yang lebih baik dan selamat, bersihkan lumpur, habuk dan air yang bertakung di kawasan itu agar dengan ini dapat meringankan tanggungan dan kerugian rakyat setempat.

Tuan Pengerusi, terdapat kira-kira 100 buah rumah setinggan yang terlibat di kawasan projek ini. Oleh kerana kurangnya penyelarasan di antara Kementerian Kerja Raya, Kerajaan Negeri dan Jabatan Tanah Daerah Kelang serta birokrasi pentadbiran, setinggan-setinggan ini yang seharusnya telah dipindahkan ke tempat lain masih terus menghuni di kawasan pembinaan ini. Dengan sebab itu, kita dapat melihat kren yang berat bergayutan di atas bumbung-bumbung rumah setinggan dan kanak-kanak mengharungi jalan-jalan pembinaan yang berlumpur di celah-celah jentera berat dalam perjalanan ke sekolah. Ada terjadi beberapa kemalangan, tetapi mujurlah tiada siapa yang tercedera tetapi bahayanya jelas dan terang.

Beberapa hari yang lalu saya telah diberitahu bahawa kontraktor projek berkenaan telah membuat persiapannya sendiri untuk memindahkan tempat tinggal beberapa orang setinggan ke kawasan lain. Saya harap tindakan ini akan dapat mengatasi beberapa masalah buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, apa yang telah terjadi kepada projek ini memerlukan kita memeriksa semula hubungan kerja antara kementerian persekutuan, kerajaan negeri dan pejabat tanah daerah. Saya menerima aduan bahawa pejabat tanah daerah tidak diberitahu secara formal atau rasmi mengenai projek berkenaan walaupun sampai di peringkat di mana projek ini akan dimulakan kerjanya dan terlalu sedikit rundingan diadakan. Di sebaliknya pula, ada juga terdapat aduan bahawa projek persekutuan mengalami kelewatan kerana kurangnya kerjasama di peringkat pelaksanaan iaitu di peringkat daerah. Di akhir kiraan, rakyat menanggung penderitaan dan saya kehilangan undi. Saya merayu kepada pihak yang berkuasa agar menganggap masalah ini sesuatu yang amat serius agar pada masa akan datang terdapat penyelarasan daripada semua pihak yang terlibat dengan projek-projek yang serupa ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Penampang.

#### **5.10 ptg.**

**Tuan Paul Noutin [Penampang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 11400 Rancangan Bekalan Air Sabah.

Ketika menggulung perbahasan belanjawan peringkat dasar baru-baru ini, Menteri Kerja Raya ada mengatakan dengan kesalnya bahawa Kerajaan Negeri Sabah telah menswastakan Jabatan Air Negeri Sabah atas persetujuan mereka sendiri tanpa merujuk atau melalui EPU (Economic Planning Unit). Ekoran daripada itu, Ketua Menteri Sabah telah mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan negeri akan meminta penjelasan daripada Menteri Kerja Raya mengenai dakwaan yang dikatakan tidak

benar itu dan seterusnya menegaskan bahawa Jabatan Air bukannya diswastakan tetapi hanya dikorporatkan. Ketua Menteri Sabah itu juga menyarankan Menteri Kerja Raya supaya mengambil pendekatan positif demi membantu menyelesaikan masalah air di negeri Sabah yang sedia ada. Ini bermaksud, walaupun Jabatan Air ialah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, Kementerian Kerja Raya juga bertanggungjawab untuk memastikan Jabatan Air Negeri Sabah diurus dan dikendalikan dengan berkesan supaya masalah air dapat diselesaikan sambil dapat meningkatkan hasil daripada air itu kepada kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, pengkorporatan Jabatan Air yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sabah is highly irregular, dengan izin. Dalam isu ini Kementerian Kerja Raya seharusnya mengambil pendekatan positif supaya irregularity itu dapat diperbetulkan sebelum ianya terlambat. Saya difahamkan Jabatan Air Sabah dikorporatkan tanpa melalui atau dirujuk kepada Unit Penswastan Negeri dan EPU. Kabinet Sabah telah meluluskan untuk melantik sebuah syarikat iaitu Teamage Water Sdn. Bhd. sebagai management company for the operation and corporatisation of Jabatan Air Sabah hasil daripada cadangan dan recommendation Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Perlantikan itu menimbulkan banyak persoalan kerana ianya dibuat dengan begitu tergesa-gesa sekali tanpa transparency dan latar belakang syarikat yang dilantik itu terutamanya dari segi expertise sebagai management company, amat diragui. Melalui perlantikan itu, Teamage Water Sdn. Bhd. akan mengambil alih segala tugas dan kuasa Jabatan Air Sabah dari segi pentadbiran, operasi dan kewangan, termasuklah menguasai kesemua kakitangan Jabatan Air.

Saya difahamkan juga bahawa perjanjian yang akan ditandatangani bagi tempoh 20 tahun itu adalah one sided agreement, dengan izin, dan memihak sepenuhnya kepada Teamage Water Sdn. Bhd. dan ada pihak-pihak tertentu mengatakan bahawa perjanjian itu bukanlah untuk corporatisation tetapi satu penyamunan (piratisation). Saya minta agar Kementerian Kerja Raya akan memainkan peranan penting dengan memastikan satu penyiasatan terperinci dibuat mengenai dengan pengkorporatan Jabatan Air Sabah yang dilakukan oleh kerajaan negeri itu.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai Butiran 05100 hingga Butiran 05500 dan Butiran 08200 hingga 08800, kesemuanya mengenai jalan raya dan jambatan bagi negeri Sabah. Perbelanjaan sebenar bagi tahun 1996 dalam butiran tersebut ialah sebanyak RM116.56 juta. Kalaupun anggaran yang dipinda bagi tahun 1997 sebanyak RM259.6 juta dibelanjakan sepenuhnya, ini bermaksud RM376.16 juta sudah digunakan untuk menyelesaikan masalah jalan raya

di seluruh negeri Sabah sepanjang tahun 1996 hingga tahun 1997 melalui Jabatan Kerja Raya. Kalaulah diambil kira pemberian kepada negeri Sabah di bawah Perbendaharaan untuk menyelenggarakan jalan raya iaitu RM114.4 juta bagi tahun 1996 dan RM117.3 juta bagi tahun 1997 bermakna sebanyak RM607.9 juta telah dibelanjakan untuk membina, memperbaiki dan menaikkan taraf jalan raya di seluruh negeri Sabah semenjak awal tahun 1996. Ini adalah satu angka yang amat besar. Kalau benar ianya telah pun digunakan, keadaan jalan raya di negeri Sabah memang tidak seperti keadaan sebenarnya, yang nyata tidak berubah malahan semakin teruk keadaannya. Di harap Kementerian Kerja Raya dapat memberi rasional mengenai wang yang begitu banyak dibelanjakan dengan tahap pencapaian untuk menyelesaikan masalah jalan raya di Sabah setakat ini.

Tuan Pengerusi, nampaknya sudah menjadi tradisi bahawa pengendalian pembinaan jalan raya di negeri Sabah terlalu perlahan dan tidak mengikut jadual penyiapan yang ditetapkan. Kementerian Kerja Raya seharusnya bersikap tegas terhadap kontraktor-kontraktor yang tidak dapat menyiapkan projek mengikut jadual, akan tetapi kalaulah kelambatan itu disebabkan kesalahan Kementerian Kerja Raya seperti bayaran lambat kepada kontraktor-kontraktor dan sebagainya, kementerian seharusnya mengkaji semula komitmennya untuk memberi kemudahan infrastruktur kepada rakyat di negeri Sabah.

Di kawasan saya, Penampang, Tuan Pengerusi, pembinaan jalan raya dua hala dari Bangunan KDCA ke Pekan Douggongon amat perlahan dan langkah-langkah berpatutan harus diambil untuk mempercepatkan pembinaan itu. Saya diberitahu bahawa projek itu akan siap dalam tempoh satu tahun daripada tarikh ianya dimulakan, tetapi hampir satu tahun sudah berlalu, belum ada tanda-tanda ianya akan siap dalam tempoh yang ditetapkan. Begitu juga dengan jalan raya ring road Lidoh ke Payan yang mana Menteri Kerja Raya telah memaklumkan saya bahawa ianya akan siap pada tanggal 14 September tahun ini, tetapi hingga sekarang belum lagi dapat disiapkan.

Saya berharap kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan di atas beberapa perkara yang saya telah sentuhkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yan.

**5.18 ptg.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap B.52, Butiran 010000 Pengurusan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah juga kepada Kementerian Kerja Raya di atas tugas dan tanggungjawab mereka memberi sebaik yang mampu khidmat kepada masyarakat. Tetapi saya ingin menjelaskan di sini bahawa kadang-kadang ada juga kerja-kerja yang tidak sihat berlaku di dalam pentadbiran Jabatan Kerja Raya terutama sekali mungkin di peringkat negeri-negeri di mana saya kira kadang-kadang favouritism amat ketara berlaku. Jadi saya berharap kalau boleh pihak kementerian, seseorang yang bertugas, pengarah-pengarah negeri yang bertugas di negeri-negeri ini perlulah dibuat pusingan perkhidmatan. Jangan ditetapkan pegawai-pegawai itu di satu-satu negeri terlalu lama, kerana apabila mereka terlalu lama di situ dan mereka juga adalah pegawai yang boleh membuat keputusan dan kadang-kadang mungkin dengan tidak sengaja ataupun mungkin dengan sengaja akan dapat menyimpang dari tugas, tanggungjawab dan amanah mereka terhadap rakyat.

Contohnya, Tuan Pengerusi, kadang-kadang projek-projek yang sepatutnya diagih sama rata kepada pemborong-pemborong kita tetapi setengahnya ditujukan, diberikan kepada satu-satu kontraktor yang menjadi favour kepada seseorang yang berkhidmat di Jabatan Kerja Raya. Saya tidak mahulah menuduh secara spesifik kerana demi menjaga maruah, tetapi kerana saya ini dari Kedah, saya berharap pihak kementerian dapat memastikan bahawa kerja-kerja yang tidak bersih seperti ini tidak akan berulang dan berlaku, kerana kadang-kadang rungutan-rungutan daripada pemborong-pemborong kita agak ketara bahawa mereka tidak langsung diberi layanan ataupun hanya sesuatu kontraktor yang rapat, yang kenal dan yang boleh berkira diberi peluang dan diberi projek-projek sehinggakan kadang-kadang di luar bidang kemampuan mereka untuk menyiapkan projek itu mengikut jangka masa. Ini saya kira adalah satu sistem yang mungkin tidak berunsur rasuah tetapi mungkin morally corrupted sistem itu dan sistem ini mungkin meragu-ragukan. Jadi saya tidak mahu Jabatan Kerja Raya ini nanti dicap satu hari 'Jabatan Kerja Ragu' dan akan merugikan malahan menghilangkan penghormatan masyarakat dan rakyat terhadap jabatan ini.

Saya berterima kasih kepada menteri rajin datang menjawab di Parlimen, tetapi kadang-kadang bukan hendak kata, menteri-menteri lain pun bila sekali-sekala menjawab kementerian, datanglah jawab, apa salahnya. Bukanlah maknanya saya tidak menghormati timbalan menteri dan juga setiausaha Parlimen, tetapi sekurang-kurangnya di bawah bidang kementerian itu mereka patut hadir supaya mereka faham ini rungutan daripada rakyat. Kita ini mewakili rakyat. Kadang-kadang memanglah pegawai buat kerja dia, saya tahu pegawai JKR ini ramai tetapi kadang-kadang menteri ini

tidak dapat first hand information daripada kita, jadi rakyat bising, kita hendak pergi mana, hendak jumpa menteri kadang-kadang pun susah, maklumlah kerja banyak.

Sebenarnya saya faham, tetapi takkanlah dalam setahun tidak boleh ambil sehari datang tengok sekejap di Parlimen ini untuk hendak dengar apa rungutan daripada wakil rakyat. Jadi sekurang-kurangnya menteri faham dan bila pegawai dia bawa naik perkara ini kepada dia, dia sudah faham, dia tidak payah hendak tanya pegawai dia ini betulkah, siapa beritahu, macam mana hendak panjang cerita. Jadi yang ini saya mintalah kalau boleh, ini secara kebetulan, menteri-menteri datanglah sekali, kementerian ini satu sahaja. Menteri-menteri kementerian lain pun datanglah. Kadang-kadang tentang jawatan mereka mahu, tentang hendak jawab, hendak datang tunggu kita bercakap, mereka tak mahu, jadi benda-benda macam ini susah.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan lebuhraya ini memang betul, kadang-kadang menteri-menteri pun saya minta jangan dok buat statement yang kelam-kabut. Buat statement hendak cari political mileage pun tak kena juga hinggakan bila buat statement itu mengelirukan rakyat, yang jadi mangsa ini kitalah, balik kampung dia serang kita ini, apalah kerajaan itu dan ini, yang UMNO pun merungut, yang PAS dan DAP ini sudah tentulah lagi deras dia serang. Bukan setakat itu sahaja, mereka buat ceramah, bubuh kita lagi. Kerajaan sudah perturunkan harga minyak, pertahankan harga minyak, di kampung pun dok bunyi lagi harga minyak naik. Kita pakai minyak untuk goreng sahaja, bukan minum minyak, jadi riuh apa sangat, sikit-sikit, itu pun kerajaan sayang, kerajaan tidak pernaikkan harga minyak, perturunkan dan sebagainya.

Jadi, tentang lebuhraya ini pun macam itulah. Kalau kita hendak naikkan harga pun, tengok yang patut dan padanlah. Kalau orang tengah sakit, kita hendak suruh dia buat kerja, mati orang itu. Dia tengah dok sakit, kita kata, hang pi buat kerja itu, kerja hang kena buat, mati kawan itu. Jadi kita tengok dok letih ini, tahu-tahu hendak pernaik lagi, teruklah kita. Jadi biar kena pada masa dan ketika.

Berkenaan lebuhraya ini, Tuan Pengerusi, saya tengok tempat berhenti (stop over) ini kasihan. Yang dok jual buah itu dia bubuh pelantar tepi itu untuk berniaga. Ini lebuhraya, bukan hari raya, maknanya orang dari luar negara datang, semua datang, kadang-kadang tempat dia tak bersih, makanan dia tak berapa sesuai dan elok. Jadi saya harap pihak lebuhraya, tak usah kiralah Lebuhraya Utara-Selatan, Timur-Barat atau mana, yang ada lebuhraya dan tempat perhentianya itu kenalah jaga elok-elok. Kadang-kadang lalat berperang dengan kita. Sama cepat kita hendak ambil nasi itu sama

cepat dengan lalat datang, macam mana kita hendak makan? Ini di setengah-setengah tempat perhentian sampai tak sempat kita hendak capai nasi, depa sampai dahulu.

Saya tengok tempat jual buah, Tuan Pengerusi, di Kuala Kangsar, di hentian Sungai Perak, pakai bubuh lampu karbaid. Apa cerita ini? Zaman ini bukan zaman jual ubat, itu zaman kita dahulu, zaman orang tua-tua dahulu, sekarang ini zaman sains dan teknologi. [*Y.B. Datuk Osu bin Haji Sukam masuk ke Dewan*] Ha, menteri ini datang, bagus.

Kemudian ada pula jenis canggih sedikit, Tuan Pengerusi, bubuhlah bateri, pasang lampu. Yang sedihnya dia gunakan payung FAMA. Saya Pengerusi FAMA, orang maki saya pada hal ini lebuah raya. Cuba dia beri kawasan itu kepada FAMA, kita buat canggih. Kalau hendak kena bubuh air-condition, kita bubuh air-condition, peduli apa, orang hendak jual bagi elok. Ini hendak pilih buah di tengah malam, Tuan Pengerusi fikirlah dengan lampu karbaid, sampai di rumah, hak yang elok jadi tak elok. Masa dalam gelap, tengok apa pun elok; balik ke rumah, mangkarlah, keras sebelahlah, macam-macam. Jadi yang ini pihak lebuah raya kena perhati, bilik air kena bersih. Memanglah dibunyikan lagu sampai ke dalam bilik air tetapi kalau lagu sedap, bilik air berdanur, tidak jadi cerita juga. Ini saya hendak beritahu kepada pihak-pihak yang mengusahakan lebuah raya. Dia hendak ambil duit orang kena beri seronok, jangan beri orang marah. Kalau orang seronok, dia pernaik sekupang dua ini siapa pun tak kira. Itu bab lebuah raya, Tuan Pengerusi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap bab ini pula.....

**Tuan Pengerusi:** Sedikit sahaja lagi ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ini kes air, Tuan Pengerusi. Bekalan air ini saya haraplah kalaupun kerajaan hendak swastakan bekalan air ini biarlah ada perubahan. Kalau tidak ada perubahan, biar macam yang ada sekarang ini pun sudah elok. Kita buka pancur, air keluar. Saya kira macam itu sahaja, biar air bersih. Kalau swasta, tak tahulah baru-baru ini di Selangor yang keluar itu mungkin kerana saluran diesel dan sebagainya. Tetapi kalau kita swastakan satu-satu benda itu tidak ada perubahan, dok takuk itu juga, apa maknanya penswastaaan?

Baiklah, sekarang ini kita panggil puak-puak yang bekerja dengan bekalan air ini, hang pa jaga ini elok-elok. Hang pa cari makan tentang ini, ambil gaji, hujung tahun ada untung, perbaiki rumah hang pa. Baik buat penswastaaan macam itu kepada depa daripada beri kepada yang cerdik, kadang-kadang yang pandai pun bukan dia tahu sangat kes air. Yang tahu kes air ini ialah puak-puak yang dok bekerja dengan Jabatan Air ini sudah beberapa tahun, depa lebih pakar, lebih cerdik, tetapi kadang-kadang keuntungan tidak boleh ke mana sangat, rakyat pun tidak dapat nikmat takat mana, yang untung ialah syarikat. Tak apalah kalau syarikat itu untung, dia beri balik. Datang waktu susah macam ini, ghaib, tak dengar, batang hidung pun tak ada, pergi mana pun tak tahu puak-puak ini. Ini yang dikatakan dahulu hisap cerutu sebatang sampai RM300, RM400. Kita hisap cerutu cap ikan dari kedai

di Sungai Petani itu, hak itu pun dua kupang, sekarang ini sudah naik lima kupang, tetapi cerutu yang itu RM200, RM300. Lepas itu, bila susah, dia marah ahli politik, hang pa duduk diam, hang pa buat apa? Kami hendak buat apa, masa senang hang pa dok joli, masa susah hang pa marah kami lagi? Ini berlaku, Tuan Pengerusi. Laratkah kita, masa susah dok marah kita, masa senang pun marah.

Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong. Hendak buat apa-apa pun kaji betul-betul, jangan beri rakyat susah. Bila rakyat susah, bila kita perlukan sokongan, dia nanti marah kepada kita. Kita buat apa pun biar rakyat senang. Emak dan bapa di rumah macam itulah, kalau buat apa pun beri anak-anak seronok. Kalau anak tak seronok, dia melilau rata, rosaklah anak-anak itu. Jadi apa yang kita buat pun, Tuan Pengerusi, hendak swasta, hendak apa pun, rakyat untung, syarikat untung, kerajaan aman tenteram. Hak itu yang saya minta. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Muar.

**5.28 ptg.**

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka merujuk kepada P.52, Butiran 12200 Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan (di luar Kuala Lumpur).

Tuan Pengerusi, daerah Muar mempunyai penduduk lebih kurang 400,000 orang, wakil rakyat Parlimennya ada empat, Pagoh, Ledang, Bakri dan Muar, dua daripadanya adalah menteri belaka, ADUN ada lapan orang, satu Menteri Besar, menteri-menteri Persekutuan tidak boleh bercakap untuk menyampaikan rintihan-rintihan, keluhan-keluhan rakyat Muar. Muar mempunyai industri perabot yang terbesar sekali dalam negara kita. Eksportnya lebih kurang RM800 juta setahun. Muar juga mempunyai industri elektronik dan elektrikal yang eksportnya lebih kurang RM600 juta setahun. Jadi, Muar banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, Muar juga telah menonjolkan banyak pemimpin negara, 4 orang rakyat Muar diberi gelaran 'Tun'dan 24 orang diberi gelaran 'Tan Sri'. Kita orang Muar berasa megah, kadang-kadang kita kata Muar itu Johor, Johor itulah Muar, melainkan Sultannya bersemayam di Johor Bahru. Tetapi kita sentiasa berasa dukacita dan sedih kerana setelah 40 tahun kita merdeka, kita tengok tidak ada bangunan yang baru, yang menempatkan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan, lebih 40 buah pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan ada di Muar, yang saya sendiri kira lebih kurang 27 pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan berselerak, bertempiar, bertabur di dalam bandar Muar. Ada yang menumpang bangunan kerajaan negeri, ada yang menyewa rumah kedai, Mahkamah Rendah menyewa rumah. Jadi, orang-

orang Muar berasa sedih, nampak seolah-olah tidak ada pembaharuan, sungguhpun kita di Muar banyak membuat sumbangan kepada pembangunan negara.

Di sini saya berucap bagi pihak rakyat Muar seramai 400,000 orang, 4 wakil rakyat Parlimen, 8 wakil rakyat Dewan Undangan Negeri mintalah supaya kerajaan negeri membuat satu kompleks untuk menempatkan semua pejabat-pejabat kerajaan.....

**Tuan Pengerusi:** Kementerian .....

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin:** ..... ke satu kompleks. Saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah bersetuju sekiranya Kerajaan Persekutuan bersetuju hendak membuat satu kompleks yang baru, pejabat-pejabat kerajaan negeri juga akan disatukan di satu tempat dan beliau sudah bersetuju hendak memberi tanah yang sesuai.

Jadi, saya mintalah pada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang saya pun telah mengemukakan masalah saya ini supaya diberi keutamaan, sekurang-kurangnya dihantar pegawai-pegawai yang tertentu untuk hendak membuat kajian sama ada apa yang saya kata itu betul ataupun tidak.

Yang kedua, Tuan Pengerusi saya juga merujuk kepada Maksud P.52, Kod 10001 - Projek Penswastan Jalan (PBT). Kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya yang telah bersetuju pada dasarnya menswastakan pembinaan lebuh raya daripada Segamat/Tangkak ke Muar. Bandar Muar itu tiga per empat daripadanya ialah Kawasan Parlimen

Muar. Jadi, masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah tentang jambatan. Jambatan Sultan Ismail dibina dalam tahun 1968, pada masa itu trafik tidak begitu banyak macam sekarang ini. Kita menghadapi masalah krisis, jadi trafik banyak dan jambatan selalu jam, kadang-kadang sampai ke Parit Bunga sejauh 2½ batu, kalau hendak menyeberang jambatan Sungai Muar itu kadangkala memakan masa 1½ jam pada Hari Raya. Jadi, kita minta supaya jambatan yang kedua dibina. Jambatan yang kedua itu hendaklah disambungkan dengan lebuh raya yang telah dicadangkan itu, tetapi saya minta jugalah kalau jambatan yang kedua ini dibina, jangan dikenakan tol, kerana jambatan yang ada sekarang ini tidak kena tol. Jika jambatan yang kedua itu dikenakan tol, kita akan menghadapi masalah, harus DAP akan mengambil kesempatan untuk mempolitikkan.

Saya tahulah saudara saya Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah cuba hendak menghujah-hujah kawasan Muar, khasnya kawasan ADUN Maharani, tetapi rasa saya DAP tidak akan berjaya kalau kita membuat jambatan itu sebelum pilihan raya yang akan datang, kalau kita dapat membuat kompleks pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan sebelum pilihan raya akan datang.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Mentakab.

**5.35 ptg.**

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh beberapa perkara, yang pertama Butiran 020000 - Jalan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, sepertimana kita tahu sungai adalah di bawah jagaan JPS dan jambatan di bawah jagaan JKR. Masalah yang menimbulkan kekeliruan ialah tentang bidang kuasa untuk membaikpulih tebing yang telah dihakis oleh air sungai.

Saya membangkitkan isu ini sebab di kawasan Mentakab ada beberapa jambatan yang menyeberangi Sungai Semantan dan Sungai Pahang, di mana tebingnya telah terhakis pada beberapa tahun sebelum ini dan setiap kali saya merujuk kepada pihak JPS dan JKR, saya diberitahu mereka tidak mempunyai rancangan penyelenggaraan yang teratur untuk memperbaiki tebing yang telah terhakis dan mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapat peruntukan bagi menjalankan kerja membaikpulih tebing tersebut.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak Kementerian Kerja Raya. Sebenarnya siapa yang dipertanggungjawab untuk membaikpulih tebing yang terhakis dan saya dapati salah satu sebab kedua-dua pihak tidak berapa mengambil perhatian terhadap perkara ini sebab JPS berpendapat bahawa itu adalah di bawah jagaan JKR. Sebenarnya hakisan tebing juga akan melemahkan asas (foundation) dan tiang cerucuk jambatan. Jadi, kedua-dua ini ada kaitan. Oleh itu saya berharap akan mendapat penjelasan dan berharap kedua-dua kementerian dapat koordinasi yang lebih baik supaya satu program penyelenggaraan yang teratur dapat dijalankan.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan Butiran 020400 - Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan. Saya dapati ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh masalah korek-mengorek yang sering berlaku di jalan-jalan raya dan oleh berbagai kontraktor. Walaupun kita telah mendapat jawapan di Dewan yang mulia ini bahawa ada satu unit penyelarasan di peringkat daerah dan negeri untuk menyelaras segala kerja supaya tidak berlaku lagi korek-mengorek di tepi jalan, tetapi apa yang kita lihat pada hakikatnya ialah nampaknya unit tersebut tidak efektif langsung. Kita masih dapati bahawa dibanyak tempat korek-mengorek sering berlaku, jadi saya hendak meminta penjelasan apakah jabatan yang biasanya dipertanggungjawabkan di peringkat daerah supaya segala kerja korek-mengorek dapat dielakkan, sebab ini telah banyak menyusahkan pengguna jalan raya.

Perkara ketiga, saya ada mendengar kata-kata atau ura-ura bahawa kerja perkhidmatan penyelenggaraan jalan akan diswastakan kepada pihak tertentu. Jadi, di sini saya berharap Dewan yang mulia ini dapat diberitahu rasional sebab apa kerja ini perlu diswastakan, sebab mengikut pandangan saya JKR mempunyai kepakaran jurutera dan juga jentera-jentera yang mencukupi untuk menjalankan kerja tersebut. Jadi apakah rasional untuk JKR memikir untuk menswastakan kerja tersebut, jika JKR sudah membuat satu keputusan sama ada menswastakan atau memberi secara term contract kepada satu syarikat saya minta diberitahu apa syarikat yang akan diberi kerja tersebut. Apakah

terma-terma yang terkandung di dalam konsesi penswastaan itu dan nilai penswastaan tersebut?

Saya ingin mengingatkan kementerian supaya mengkaji dengan lebih teliti kalau sesuatu keputusan hendak dibuat, jangan sewenang-wenangnya menswastakan sesuatu kerja yang dapat dijalankan dengan baik oleh Kementerian Kerja Raya supaya manfaat rakyat dapat dijagai.

Perkara akhir yang ingin saya sebutkan ialah mengenai dengan Butiran 02303 - Projek Baru Lebuhraya KL-Karak (Penswastaan). Sejak Lebuhraya ini dibina, saya dapati langkah keselamatan yang diambil oleh pihak syarikat swasta adalah tidak mencukupi, Tuan Pengerusi. Saya menggunakan jalan ini setiap minggu berulang-alik daripada Kuala Lumpur ke Mentakab, saya dapati ada langkah-langkah yang tidak mencukupi seperti tanda-tanda keselamatan, lampu-lampu yang tidak mencukupi dan pihak syarikat juga seringkali mengubah laluan jalan-jalan yang dibina, menukar dari satu hala kepada dua hala dan sebagainya. Dalam proses itu nampaknya ada banyak bahagian jalan yang masih belum disiapkan dan ia amat membahayakan pengguna jalan raya. Saya percaya ada langkah yang lebih baik boleh diambil oleh pihak syarikat pembinaan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya apakah yang telah terjadi kepada Fasa II Lebuhraya Pantai Timur iaitu daripada Karak-Mentakab-Temerloh-Kuantan dan Kuala Terengganu. Dalam sesi Parlimen soalan ini telah banyak kali di tanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pantai Timur dan setiap kali kita diberitahu, perkara ini masih di dalam pengkajian.

Sebenarnya saya pernah diberitahu kerja ini patut telah bermula pada awal tahun 1996 dan selepas itu ditangguh pada akhir tahun 1996 dan baru-baru ini saya juga diberitahu oleh syarikat yang diberi konsesi dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah bahawa kerja akan bermula pada bulan Julai, tetapi nampaknya ia tidak menjadi satu kenyataan lagi dan kini kita tidak ada satu gambaran yang sebenar bila kerja ini akan dapat dijalankan. Saya berharap kementerian boleh memberi satu gambaran yang sebenar supaya kita dapat juga memberitahu kepada rakyat tempatan bila sebenarnya kerja tersebut akan bermula. Saya berharap kerja ini tidak akan dimansuh atau dibatalkan akibat krisis ekonomi kita, sebab lebu rayu ini amat penting, sebab ia akan mempertingkatkan dan membawa banyak kemudahan kepada pembangunan perindustrian di Pantai Timur.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*].

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya rasa kesemua tidak boleh berucap. Saya minta maaf. Ya, Kota Melaka.

**5.45 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P. 52, Butiran 12900 - Dewan Undangan Negeri Melaka, di mana saya difahamkan 3 tahun lepas bangunan Dewan Undangan Negeri Melaka telah dibina dengan perbelanjaan sebanyak RM52 juta. Tetapi pada tahun lepas kos ini telah dinaikkan kepada RM85 juta dan baru-baru ini

telah ditambah pula RM3, menjadikan keseluruhan kos pembinaan Dewan Undangan Negeri Melaka kepada RM88 juta. Saya ingin tahu apakah sebabnya kos ini dinaikkan, apakah sebabnya pihak JKR membenarkan kenaikan kos yang saya rasa hampir 80% dan siapakah kontraktor yang bertanggungjawab ke atas pembinaan Dewan Undangan Negeri Melaka ini?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 07400 - Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Melaka dan saya ingin tahu apakah kadar kebocoran air dan juga dari segi kerugian yang dialami akibat kebocoran air di seluruh negara. Sejauh manakah cadangan oleh pihak Kerajaan Pusat untuk mengambilalih tugas bekalan air di seluruh negeri termasuk Semenanjung Malaysia dan sejauh manakah kemajuan yang dicapai ke atas cadangan untuk menswastakan bekalan air negeri Melaka ataupun Perbadanan Air Negeri Melaka sepertimana yang dicadangkan oleh kerajaan negeri. Bolehkah saya dapat tahu, adakah satu tender terbuka dijalankan sama juga dengan Dewan Undangan Negeri Melaka, adakah satu tender terbuka dijalankan dan juga sejauh manakah keputusan akan dibuat untuk menswastakan bekalan air? Jadi, bolehkah pihak kementerian menjamin sebarang penswastakan tidak akan mendatangkan kadar atau bayaran air yang lebih tinggi ke atas para pengguna.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 18100 - Perumahan Kerajaan. Saya ingin bertanya mengapakah JKR boleh mencadangkan bahawa pengubahsuaian pada kediaman rasmi Yang Amat

Berhormat Menteri Besar Selangor perlukan perbelanjaan sebanyak RM5 juta dan juga pengubahsuaian ke atas pejabat rasminya sebanyak RM1.3 juta. Rakyat Malaysia telah dikejutkan dengan berita bahawa kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang baru dan dianggap sehingga sekarang sebagai bersih telah membenarkan kos pengubahsuaian begitu besar ke atas kediaman dan pejabat rasminya sebanyak RM6.3 juta. Alasan yang diberikan mengapa kos pengubahsuaian ini begitu tinggi, sepertimana yang kita difahamkan ialah kerana JKR telah mencadangkannya maka ia diluluskan.

Saya ingin tahu rasional JKR membuat cadangan sedemikian bila kos pengubahsuaian kediaman rasmi sebanyak RM5 juta melebihi kos pembinaannya pada tahun 1974. Saya rasa adalah tidak munasabah membelanjakan wang yang begitu besar untuk sebuah bangunan sungguhpun sudah berusia 23 tahun, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi meleset dan usaha kerajaan berjimat cermat, ia bercanggah dengan tindakan kerajaan pusat mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa rakyat kerugian US\$30 bilion. Adalah tidak munasabah pengubahsuaian boleh memakan perbelanjaan RM5 juta, kalau ada rakyat yang tidak mempunyai rumah kos rendah yang berharga RM25,000 macam mana pula membelanjakan RM5 juta untuk mengubahsuaikan kediaman rasmi. Perlu diingatkan bahawa RM5 juta boleh membina 200 buah rumah kos rendah dan sekarang keluarga miskin sudah kekurangan 200 buah rumah kos rendah, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan akan mengambil ingatan.

Tuan Pengerusi, apakah jenis pengubahsuaian yang dicadangkan oleh JKR dan adakah timbulnya unsur-unsur penyelewengan. Saya harap bahawa dua perkara penting ini boleh diberi satu jawapan yang jelas bukan sahaja untuk memenuhi prinsip akauntabiliti, tetapi juga menghormati hak rakyat yang menuntut macam mana wang mereka telah disia-siakan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengalih kepada penswastaan lebuhraya iaitu Butiran 02300. Di sini saya ingin bertanya apakah sebabnya UEM dibenarkan menaikkan kadar tol sebanyak 9% lagi untuk kenderaan dalam tahun 1998 bila ia mampu membayar wang tunai RM4 bilion untuk membeli Renong Berhad dengan harga RM3.24 sen sesaham. Kadar untuk kereta telah naik sebanyak 20% untuk tahun 1996 dan juga 20% untuk 1997 iaitu daripada 7.5 sen sekilometer kepada 9 sen sekilometer dalam tahun 1996 dan kepada 10.5 sen sekilometer dalam tahun 1997. Ia dijangka akan naik 9% lagi kepada 11.24 sen sekilometer tahun hadapan iaitu tahun 1998.

Sejak Lebuhraya Utara-Selatan diswastakan PLUS atau Projek Lebuhraya Utara-Selatan telah mengutip hampir RM2.6 bilion dari tahun 1989 hingga akhir tahun 1996. Pada masa yang sama PLUS hanya membelanjakan kurang daripada RM400 juta untuk menyelenggarakan lebuhraya ini. Ini bermakna bahawa PLUS telah mendapat pulangan dan keuntungan yang amat tinggi dalam tempoh 6 tahun ini, lagi pun saya difahami bahawa kerja penyelenggaraan telah diberikan kepada anak syarikat UEM iaitu Profel Sdn. Berhad, di mana kos yang dibayar adalah lebih tinggi sekiranya satu tender kompetitif diadakan.

Saya ingin tahu berapa banyakkah UEM boleh jimatkan kalau menender keluar kerja penyelenggaraan kepada pihak luar di pasaran? Tentulah PLUS akan memberikan alasan bahawa mereka perlu pungutan tol yang lebih tinggi atau menaikkan kadar tol, kerana mereka telah membuat perbelanjaan yang besar membina lebuhraya dengan pinjaman bank sebanyak RM7.3 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan dari 45 buah bank. Kalau ini benar mengapa pula UEM mampu membeli 32.6% atau 723 juta saham Renong dengan harga RM2.34 bilion, selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menarik balik pengecualian kepada UEM daripada menjalankan tawaran am secara mandatori, UEM terpaksa membelanjakan tambahan sebanyak RM1.66 bilion. Tambahan RM1.66 bilion adalah untuk membeli 23.1% saham minoriti Renong yang tidak dikuasai oleh Renong, dengan kata lain UEM akan membelanjakan RM4 bilion untuk membeli 55.7% saham Renong.

Kalau UEM mampu mengeluarkan RM4 bilion mengapa pula mereka perlu menaikkan kadar tol? Bukankah kenaikan kadar tol ini disalahgunakan oleh UEM untuk menjalankan pembelian syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan. Sebenarnya pengguna-pengguna yang akan dipaksa membiayai pembelian tidak berhemat UEM ini akan terpaksa terus menanggungnya dengan membayar kenaikan kadar tol yang dicadangkan pada tahun hadapan. Oleh itu, tidak ada sebab langsung mengapa kenaikan tol harus diluluskan oleh pihak kerajaan.

Saya harap parti MCA, Gerakan, UMNO dan MIC boleh meberikan sokongan dalam perkara ini supaya tidak main politik ‘talam dua muka’ dan ‘cakap tidak serupa bikin’. Pendirian Ahli Parlimen MCA dan Gerakan menentang kenaikan kadar tol di luar, tetapi menyokongnya di dalam adalah sungguh memalukan dan hipokrit.

Tuan Pengerusi, sandiwara politik MCA dan Gerakan termasuk juga mengadakan demonstrasi di Plaza Tol Senai oleh Gerakan, saya difahamkan dihadiri oleh seorang wakil rakyat daripada MCA. Beliau menentang kenaikan tol.....

**Datuk Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak? Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Datuk Lim Si Cheng:** Dia cuba hendak bohongkan Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng:** .....sehingga Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bertanya mengapa MCA dan Gerakan menentang kenaikan kadar tol, bila Menteri-menteri MCA dan Gerakan telah pun menyokongnya dalam Kabinet. Saya mencabar Ahli Parlimen MCA dan Gerakan menentang kenaikan kadar tol supaya kita boleh pastikan bahawa mereka bukan main sandiwara politik. Kalau mereka gagal berbuat demikian, jangan lagi berpura-pura kepada rakyat, kita hendak mereka konsisten dalam atau di luar Dewan, jangan sekadar ‘melepaskan batuk di tangga’ di sini sahaja, tetapi bila perlu tidak berani menentang atau membantah kenaikan kadar tol.

Dalam perkara ini saya harap mereka boleh menyampaikan pesanan kepada Menteri-menteri MCA dan Gerakan, janganlah sokong kenaikan kadar tol, kalau mereka tidak berani menghadapi rakyat, kerana perkara ini tetap akan menjadi isu yang sangat penting kepada rakyat selagi kerajaan lebih mementingkan kepentingan UEM daripada kepentingan pengguna-pengguna yang biasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Baram.

**5.55 ptg.**

**Tuan Jacob Dugau Sagan [Baram]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 040000 - Pembinaan Jalan-jalan Raya Besar, di negeri Sarawak yang diberi peruntukan sebanyak RM368.3 milion pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya minta kerajaan menambahkan peruntukan ini kerana betapa pentingnya kita perlu membangunkan jalan-jalan dan jambatan-jambatan di negeri Sarawak. Kita sedar negeri Sarawak ini kawasannya luas, terlalu besar, jadi kerajaan perlu membina jalan-jalan yang boleh memberi perhubungan infrastruktur jalan di antara bandar-bandar dan kampung-kampung kerana masih ada banyak lagi jalan besar yang belum dibina seperti di kawasan saya sendiri iaitu Baram.

Tuan Pengerusi, saya minta tambahan peruntukan ini bagi membina jalan-jalan di kawasan Baram. Di kawasan Baram mempunyai sebatang jalan utama Persekutuan yang bermula dari Simpang Mahmud di Jalan Miri-Bintulu ke Beluru sejauh 19 kilometer. Dari Beluru di Long Tru ke Jambatan Lapuk

sejauh 36.5 kilometer dan juga dari Jambatan Lapuk, seterusnya ke Long Lama yang jauhnya 45.5 kilometer. Jalan ini ialah sebahagian dari Jalan Pan-Borneo Highway yang telah disebutkan dalam Dewan ini pada minggu yang lalu. Tuan Pengerusi, jalan ini dibina dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga iaitu lebih kurang 18 tahun yang lalu dan Jambatan Batang Tinja telah dibina dan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Semenjak Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat, kerja untuk membina jalan ini langsung tidak diteruskan sampai ke setakat ini. Jadi, saya berterima kasihlah kerana dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini kerajaan telah memberi peruntukan RM20 milion untuk membinakan sebahagian dari jalan tersebut iaitu untuk membina jalan dari Jambatan Batang Tinja ke Sungai Tru kurang lebih 10 kilometer sahaja.

Peruntukan RM20 milion ini langsung tidak cukup untuk menaiktaraf dan menurapkan jalan utama Persekutuan ini. Saya diberitahu untuk memperbaiki dan menurap jalan utama Persekutuan ini dari Bandar Kecil Beluru ke Batang Tinja sahaja akan menggunakan anggaran peruntukan sebanyak RM50 milion.

Tuan Pengerusi, saya minta kerajaan mempertimbangkan supaya menambah lagi peruntukan bagi jalan ini, bagi menjalankan kerja menaikkan taraf, memperbaiki dan menurapkan jalan utama Persekutuan ini, khususnya jalan dari Beluru ke Jambatan Batang Lapuk seterusnya ke Long Lama jika peruntukan itu ada. Saya faham kerajaan akan membuat persediaan bagi Mid Term Review of the Seventh Malaysia Plan, dengan izin, pada tahun hadapan.

Jadi, saya mintalah supaya peruntukan bagi jalan ini dipertimbangkan dalam persediaan Mid Term Review itu agar ia dapat dibina sebelum pilihan raya yang akan datang.

Tuan Pengerusi, jalan ini sangat penting bagi mempertingkatkan ekonomi di kawasan tersebut, kerana jalan ini digunakan oleh banyak pengguna termasuklah pekerja-pekerja dan syarikat-syarikat perladagangan di mana 100,000 hektar tanah kelapa sawit telah dibangunkan, pekerja-pekerja dan syarikat-syarikat kayu balak yang berkerja membalak di kawasan Baram yang luasnya lebih kurang 22,080 square kilometre persegi dan juga 70,000 orang penduduk tempatan yang bermastautain di sana. Jalan ini sekarang tidak memuaskan kerana dia terlalu berdebu apabila ada kemarau dan juga sangat teruk sekali serta berbahaya apabila hujan turun terlalu kuat. Semasa kemarau keadaan berdebu itu sangat berbahaya kerana banyak sekolah dan rumah panjang yang ada di tepi jalan tersebut teruk kena debu setiap hari. Oleh itu betapa penting jalan utama Persekutuan ini perlu diturapkan dan saya harap dapat dibuat dalam satu dua tahun yang akan datang iaitu sebelum pilihan raya nanti.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 09800 - Pembinaan Jalanraya. Saya ingin tahu dari Kementerian Kerja Raya bilakah kerajaan akan membina jalan dari Miri ke bandar Marudi yang jauhnya lebih kurang 45 kilometer. Saya minta supaya jalan ini dibina kerana setakat ini tidak ada jalan hubungan di antara Miri dan bandar Marudi.

Sekarang ini penduduk-penduduk di bandar Marudi hanya memakai bot laju sahaja walaupun ada satu lapangan terbang, kita juga menggunakan kapal terbang, tetapi keadaan seperti ini tidak memuaskan, kerana apabila kita hendak mengangkat barang-barang yang berat itu, memang susah sekali hendak menghantarnya ke bandar Marudi. Keadaan ini tidak menggalakkan pembangunan tanah di kawasan tersebut di mana penduduk-penduduk tempatan boleh mendapat manfaat dari pembangunan jalan tersebut. Jadi, Tuan Pengerusi, dengan ucapan yang demikian saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya Pokok Sena.

**6.03 ptg.**

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang Butiran 010100 - Pentadbiran dan Penyelenggaraan Bangunan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan iaitu banyak perkara yang timbul tentang penilaian pihak JKR misalnya jika kita tengok dalam surat khabar baru-baru ini rumah Menteri Besar berharga RM5 juta dan bermacam-macam lagi.

Saya ingin membangkitkan di sini tentang penilaian JKR itu, kadang-kadang bila ada sesuatu peruntukan kerajaan misalnya RM500,000 JKR akan membuat penilaian itu hanya cukup-cukup sahaja, tidak ada niat untuk mengurangkan belanja kos yang sebenarnya. Oleh itu, saya ingin membangkitkan perkara ini kerana banyak perkara yang telah terjadi selama

ini, bila ada peruntukan kerajaan kalau RM50,000 jadi JKR pun nilai RM50,000 sahaja, JKR tidak menghantar technician atau penilai (QS) untuk menilai betul-betul supaya benda ini boleh dikurangkan setakat yang habis kurang, tambahan pula di zaman merosot ini sepatutnya pihak JKR mesti ada pegawai-pegawai penilai (QS) yang benar-benar, yang terbaik sekali. Kalau tidak perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku, seperti rasuah bangkit disebabkan pegawai penilai itu tidak berapa cekap ataupun sengaja membazirkan wang kerajaan. Jadi, saya berharap supaya pihak JKR ini dapat mengelakkan kerajaan daripada pembaziran wang.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Kerja Raya ini dapat mewujudkan pegawai-pegawai penilai (QS) atau technician, kalau kes projek-projek kecil ini technician sahaja, minta menilai yang sebenar-benarnya supaya benda ini tidak menimbulkan masalah, macam baru-baru ini timbul masalah rumah Menteri Besar. Jadi, macam mana Menteri Besar hendak tahu kisah harganya, melainkan berharap kepada JKR, kalau JKR kata RM5 juta, dia bukan tukang. Ini cuma memberi isu kepada pembangkang sahaja. Misalnya kalau rumah saya, saya pun tidak tahu, tetapi kalau rumah kerajaan kita berharap kepada JKR. Saya biasa dengar ada kes rumah kerajaan yang hendak dibaiki, peruntukannya lebih kurang RM70,000. Apabila JKR menilai, kalau peruntukan RM70,000 dia nilai RM70,000 ataupun RM75,000 tidak ada dasar atau niat untuk mengurangkan sepaling-paling rendah kos sekali supaya tidak menimbulkan masalah. Jadi, saya berharap supaya perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak JKR supaya jangan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Alah, apa kena-mengena, bukan pernah duduk rumah kerajaan pun! *[Ketawa]* Dahulu masuk askar pun saya hairan, macam mana dia masuk askar, jalan ‘melelong’ pakai cermin mata. Ini kisah rumah JKR pun dia bangkit juga.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak pada dia?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Bolehlah, sebab kawan saya berilah, okay.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya pun hendak tolong pokok angkana. Adakah dia sedar bahawa perkara seumpama ini boleh diberitahu kepada pihak yang tertentu melalui surat. Itu sudah cukup, tidak payah kita heboh-hebohkan di dalam Dewan yang mulia ini. Ada perkara yang lebih penting lagi terutamanya ‘kegawatan’ ekonomi.

**Seorang Ahli:** Tidak ada standard.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Bila kita bangkit, dia suruh kita tulis surat. Dia bangkit, dia cakap dia hentam. Jadi, saya hendak tunjuk kata kepada pembangkang ini bukan pembangkang sahaja boleh membangkitkan perkara-perkara ini sama ada kisah tol atau sebagainya. Kami Barisan Nasional ini pun membangkitkan juga perkara ini. Kita membangkitkan supaya jangan duduk menyalak di sebelah luar, mari masuk di

sebelah dalam. Misalnya Kepong sekarang sudah berkawan dengan MCA, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Saya harap .....

**Seorang Ahli:** Kawan karib.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya harap dia kariblah. Dia sudah masuk, bersembang, jadi saya mengucapkan tahniah kepada dia, mudah-mudahan dia akan datang ke sebelah sini dan dia ‘keriau’ dari sebelah sini. Orang Kedah kata ‘keriau’, biar jangan duduk kata ‘menyalak bukit’ di sebelah sana. Saya membangkitkan perkara ini bukan sebagai pembangkang bangkit, pembangkang ini dia bercakap ‘melepas’ sahaja, tetapi orang tidak dengar. Kita bercakap benda yang betul supaya dapat membaiki, kritik membina bukan macam di sebelah sana, kritik ‘melingkup’.....

**Seorang Ahli:** Merudum.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Dia kritik kira hendak ‘melingkup’. Misalnya kisah tol, kita pun bangkit kisah tol. Saya pun tidak suka tol, kita kalau boleh mahu free sahaja, tetapi kita bayar juga. Mereka tidak pernah bayar, tetapi sejak denda RM2,000 ini bayarlah, dahulu tidak bayar, Kepong itu tidak pernah lalu pun lebu raya ini, mana ada lalu lebu raya Kepong.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini adalah serius. Saya mintalah supaya QS JKR, ini Setiausaha Parlimen dengarlah betul-betul, QS ini hendaklah dipilih orang yang betul-betul bagus, bila dia menilai itu tidak ada QS-QS lain dapat mempertikaikan. Bila dia kata rumah MB itu bernilai

RM3.5 milion - RM3.5 milionlah. Kita baiki ini bukan untuk rumah MB, Dato' Abu Hassan bin Haji Omar. Kita baiki untuk rumah Menteri Besar. Kepong pun kalau menang pergilah duduk di situ. Kita baiki rumah Menteri Besar, hendak beri elok, kita hendak duduk, 'lalang', macam Tuan Pengerusi duduk itu saya paling takut sekali, benda berduri macam itu. *[Ketawa]* Sebab itu bila mereka suruh saya jadi Speaker saya takut benda itu terhumban.....

**Seorang Ahli:** Tajam ya!

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tajam, Tuan Pengerusi. Jadi, saya minta JKR check selalu, kerana saya yang paling sayang pada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Orang kawasan saya. Itu sebabnya Almarhum Tunku Abdul Rahman buat dahulu itu ada maknanya, kerusi itu amat merbahaya, dia duduk di situ, saya tahu Tuan Pengerusi takut duduk di situ. Jadi, saya hendak khabar kepada JKR tolong check selalu benda-benda tajam itu, kerana kita sayang pada Tuan Pengerusi. Oleh itu, kita minta JKR ini, biarlah diberi gaji mahal sedikit kepada engineer, kepada penilai supaya tidak timbul perkara ini.

Lagi satu mengenai kontrak. Saya minta JKR ini bila memberi kontrak janganlah kawan yang dapat kontrak itu past kepada A kepada B, kepada C, kepada D dan kemudian D yang buat. C, B dan A ini dapat ikut atas angin sahaja, jadi kawan D yang buat itu dia terpaksa hendak untung, dia sudahlah dapat sedikit, hak yang atas itu dia sapu deras, tinggallah pada dia,

hendak untung sedikit, dia terpaksa membuat penipuan dan sebagainya, supaya beri kurang. Jadi, saya minta kalau A itu dapat kontrak - kalau dia tidak dapat kontrak ambil balik, jangan duduk angguk sahaja, *[kepada Dr. Tan Seng Giaw]* saya marah ini. *[Ketawa]* Bila A dapat kontrak, A buat, kalau dia hendak beri pada B, dia kena khabar balik kepada JKR, saya hendak beri pada B, check balik dengan B itu. Menteri, Timbalan Menteri setuju, takkanlah Setiausaha Parlimen tidak setuju, kacau! *[Ketawa]* Tambah Kepong ini, saya kira sahaja, dapat dia cakap, dengar sahaja, dengan yang Barisan Nasional. Jadi, dia pun tidak berani bangunlah, sebab sekarang dia pun sudah bagus sedikit. Tetapi cuma saya hendak memberi amaran macam .....

**Seorang Ahli:** Teluk Intan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Teluk Intanlah kelmarin.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Time sembahyang janganlah panggil kuorum. Kelmarin dia tanggung dosa saya, kerana bila saya hendak pergi sembahyang dia panggil kuorum tanggunglah dosa, tetapi dia bukan peduli hal dosa ini. *[Ketawa]* Dia hal dosa ini tidak ada apa-apalah - memang banyak, dia memaki kita pun sedikit pun dosa, berkandang-kandanglah. Tuan Pengerusi, saya berharap perkara ini dapat diambil perhatian. Melawak pun melawak juga, tetapi benda yang serius - serius

Satu, orang yang menilai (QS) sesuatu projek kerajaan itu, kalau RM70,000 - RM70,000 kurang, pergi khabar kata RM40,000, RM50,000

boleh buat, jangan kontraktor kata RM70,000 peruntukan kerajaan kita pun RM70,000 juga, cari - buat. Benda ada yang murahpun mengapa beli yang mahal? Ini yang kita tidak mahu. Jadi, kita minta supaya benda-benda ini diambil ingatan dan di zaman merosot ini kita hendaklah mengambil perhatian perkara ini supaya tidak timbul permasalahan.

Mengenai tol ini saya hendak membangkitkan sedikit sahaja lagi. Saya minta kerajaan supaya jangan duduk membangkitkan kisah tol, sebab saya hendak balik ke Alor Setar, saya kena bayar tol RM42, kalau pergi balik RM84. Jika saya naik kapal terbang hanya RM81, tetapi kalau pergi-balik RM100 lebih juga. Oleh itu, saya berharaplah kerana tol ini adalah satu perkara yang sensitif, mintalah supaya jangan dinaikkan, diharap forget about it, dengan izin, Tuan Pengerusi [*Ketawa*] forget about it, cakap orang Putih sedikit, saya pun London trained [*Ketawa*] cuma sekarang ini sudah lupa, jadi saya hendak train dengan Tuan Pengerusilah sedikit-sedikit.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini saya mintalah supaya pihak JKR akan mengambil perhatian mengenai perkara ini dan saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Jerlun selepas ini saya minta Menteri menjawab,  
.....

**Dato Haji Hanafi bin Ramli [Jerlun]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Minta maaf. Oleh kerana Menteri menjawab dan akan sampai pada hari Isnin.

## 6.12 ptg.

**Dato Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Butiran 020400 - Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan.

Saya hendak mencadangkan kepada JKR supaya JKR mengkaji semula mengenai dengan pengiktirafan jalan negeri supaya di dalam kajian semula ini boleh ditingkatkan jalan-jalan kerajaan negeri itu dijadikan jalan-jalan Kerajaan Persekutuan, kerana pengiktirafan jalan-jalan kerajaan negeri dan juga jalan Kerajaan Persekutuan ini dibuat sejak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 lagi.

Sekarang ini sudah ada jalan-jalan negeri yang boleh dikategorikan sebagai Jalan Persekutuan. Contohnya jalan daripada Alor Setar-Pokok Sena-Kuala Nerang-Padang Sanai hingga sampai ke Durian Daun bersempadan dengan Thailand, kemudian daripada sana terus pergi ke Yala. Jadi, dalam usaha kerajaan hendak meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi di kawasan segi tiga IMT-GT ini, maka kalau kita boleh bina jalan-jalan ini dan diambil tanggungjawab oleh Kerajaan Persekutuan, maka sudah tentu peningkatan ekonomi bagi rakyat yang berada di kawasan-kawasan yang satu ketika dahulu menjadi sarang komunis, sekarang ini akan menjadi kawasan yang begitu baik.

Begitu juga kalau kita lihat ada sebatang jalan lagi umpamanya dari Alor Setar-Jitra-Bukit Kayu Hitam dijadikan jalan Kerajaan Persekutuan, sedangkan daripada Jitra-Tunjang-Kodiang-Arau-Kangar-Padang Besar tidak dijadikan sebagai jalan Kerajaan Persekutuan. Jadi, saya minta pihak JKR supaya dapat mengkaji semula. Yang anehnya pula ada kadang-kadang bila

jalan itu jalan kerajaan negeri, wang tidak ada yang hendak diselenggarakan oleh kerajaan negeri, maka kita mengambil inisiatif meminta peruntukan kepada Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Kubang Pasu. Bila Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Kubang Pasu meluluskan peruntukan sebanyak RM2.5 juta bagi menurap semula jalan antara Jitra-Kodiang, maka pihak JKR negeri dia tidak melaksanakan, kerana dia kata ini jalan kerajaan negeri, bagaimana hendak membelanjakan wang Kerajaan Persekutuan, walaupun ini diarahkan atau diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Kubang Pasu yang juga Perdana Menteri? Jadi, kita tidak tahulah siapa yang lebih besar, engineer jalan di Kedahkah besar atau Perdana Menteri yang besar? Oleh itu JKR kena tengok jugalah perkara ini.

Satu lagi saya hendak minta iaitu JKR kena lihat balik dari segi kebiasaannya sekarang ini, bila sesuatu jalan itu ia ada reserve sepanjang 2 rantai, tetapi apabila kita hendak buat pengorekan, hendak tanam kabel elektrik, hendak tanam air paip atau hendak tanam kabel telekom, selalunya kita membuat di bahu jalan, pada hal antara bahu jalan dengan reserve jalan itu masih ada lagi beberapa rantai yang boleh dibuat, tetapi dia hendak korek juga di bahu jalan itu. Korek di bahu jalan, kemudian diturap balik, jadi apakah JKR tidak boleh hendak kaji, hendak buat benda ini di kawasan reserve, yang ada reserve jalan (road reserve) itu, yang hendak buat juga di bahu jalan ini buat apa?

Ini satu perkara yang saya rasa patut JKR mengkaji semula, kalau ini dahulu dasar ini dibuat oleh engineers Orang Putih, sebelum merdeka, sekarang

ini anak-anak kita yang menjadi engineer. Jadi, tidak bolehkah supaya dikaji semula perkara-perkara ini supaya jangan kita terikut-ikut dengan dasar yang orang dahulu buat, kalau sekarang ini kita ada pilihan.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak bangkitkan ialah soal pemberian tender-tender kepada kontraktor-kontraktor berwibawa. Saya lihat kontraktor-kontraktor yang berwibawa ini kadang-kadang dia tidak berwibawa, mereka ini banyak hendak kejar kontrak-kontrak sahaja. Saya beri contoh dalam kawasan Parlimen Jerlun, yang juga terletak di dalam daerah Kubang Pasu, kontrak ini sudah diberi untuk kontrak tanam paip air, untuk hendak menyalurkan air ini daripada Bukit Pinang masuk pergi ke Sanglang, ke Jerlun dan sebagainya untuk bekalan air kepada rakyat di kawasan sana. Sebanyak RM19.9 milion sudah diperuntukan dan kerja telah dibuat dua tahun sudah, tetapi hanya tinggal 10% lagi dia tidak hendak buat, dalam masa yang sama kontraktor ini dianugerahkan pula kononnya 'Kontraktor Berwibawa', diberi pula projek pembinaan Lapangan Terbang di KLIA.

Ini saya sudah check. Selepas itu bila saya bising, kacau, tulis surat kepada kementerian dan sebagainya tidak juga berkesan. Saya check dan tengok, tetapi diberi kontrak lagi kepada dia untuk memasang paip air di kawasan Baling sebanyak RM20 juta. Tetapi projek yang tertinggal, yang 'terkangkang' 10% ini tidak boleh buat. Jadi, kita pun dapat peruntukan pada tahun hadapan sebanyak RM60 juta, kita hendak salurkan paip masuk ke kampung-kampung, tetapi dengan kerana main pipe ini tidak ada, tidak boleh

disiapkan, jadi tidak guna kita siapkan saluran air paip masuk ke kampung-kampung.

Perkara ini hendaklah dikaji benar-benar, jangan biarkan kepada kontraktor cukup masa sambung, cukup masa sambung, cukup masa sambung dia. Kalau didenda pun tidak bermakna, tetapi kenapa hendak tinggal, hendak biarlah sampai 10%, yang menyebabkan rakyat merana. Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat tahu di dalam kawasan saya ini, Tuan Pengerusi, orang di kawasan FELDA masih minum air sungai MADA lagi. Musim kemarau ini mereka 'cebok' merata. Saya tidak mahu bertanggungjawab kalau mereka tidak mandi pada malam Jumaat pada musim kemarau. Hari Jumaat, pada siang esoknya dia boleh hendak mandi, jadi hendak pergi ke masjid macam mana kalau orang lelaki, sebab air tidak ada. Jadi, engineer JKR kena tanggunglah, Menteri Kerja Raya kena tanggunglah, tetapi tidak apalah dia tanggung, sebab cara dia menanggunglah. Oleh itu, saya hendak minta supaya pihak JKR tolong kaji balik.

Saya hendak menyokong pendapat Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi mengenai dengan estimate yang dibuat oleh engineer ataupun oleh pegawai-pegawai, oleh QS daripada JKR ini. Kebanyakannya mereka membuat anggaran (estimate) ini dengan harga yang terlalu tinggi - terlalu tinggi, kadang-kadang sampai 40%, 50% daripada harga yang sebenar, kemudian bila macam itu kita menggalakkan kontraktor ini membuat harga, membuat tawaran yang tinggi dengan andaian lambat hendak mendapat pembayaran balik dari kerajaan, hendak mendapat progress payment pun

lambat daripada kerajaan, dengan kerana itulah mereka membuat sebut harga yang tinggi.

Jadi, bila harga yang sebenar RM100 kerajaan kena bayar sampai RM150, sedangkan kalau kita survey betul-betul berapa harga yang orang jual di pasaran, tetapi orang berniaga ini pula bila dia tahu kerajaan yang hendak buat, harga 5 kupang dia akan jual RM1. Oleh itu, semua pegawai hendaklah pergi melawan di pasaran terbuka, jangan biarkan orang menipu kita, jangan membiarkan orang kata kita pegawai kerajaan ini 'bodoh'. Ahli-ahli perniagaan di kampung, di pekan-pekan kecil ini buat harga tidak tentu hala, kemudian kita pula mengikut mereka, selepas itu kontraktor meletakkan harga yang tinggi. Inilah yang menjadi masalah dan kesannya pergi kepada pengguna.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah pendapat dan pandangan saya, jadi saya harap JKR dapatlah tengok projek-projek yang saya sebutkan dalam kawasan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kementerian diminta menjawab.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Pengerusi:** Ada point of order, bolehkah.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** ..... saya menggunakan saya punya budibicara....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kaedah 35(3) dengan izin, saya baca:

“35(3) Seseorang ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali  
dalam sesuatu masalah kecuali -  
(a) dalam persidangan Jawatankuasa .....

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian bahawa Jadual yang telah dikembarkan kepada semua ahli Parlimen menunjukkan bahawa pada hari Isnin sepatutnya dibahaskan belanjawan kementerian ini, akan tetapi kita ahead of schedule dan saya nampak ramai ahli Parlimen yang ingin berucap dan at Committee stage selepas berucap, kita boleh berucap lagi sekali. Jadi, untuk tidak membenarkan pihak yang ingin berucap itu, saya rasa tidak berapa adillah Tuan Pengerusi. Saya harap Tuan Pengerusi akan mengkaji balik dan membenarkan beberapa ahli termasuk saya untuk berucap di dalam hal ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat jikalau sekiranya tengok Aturan Mesyuarat ataupun susunan Aturan Urusan Mesyuarat kita akan dapati 14 rang undang-undang yang akan kita bincang pada minggu hadapan, selain dari itu ada pula usul-usul lagi. Malam ini kami pihak Speaker hendak menyambung sampai ke jam 8.45 malam, tetapi telah diminta jangan sambung. Jadi, apa yang patut kami buat daripada segi Pengerusi di sini, kenalah menggunakan budi bicara kami mengikut kehendak Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian supaya pada minggu hadapan kita boleh menghabiskan tugas-tugas yang diperuntukkan kepada kita. Pada minggu hadapan pun kita akan

melanjutkan masa perbincangan sehingga ke malam untuk menghabiskan 14 rang undang-undang. Itulah sebabnya saya telah menggunakan budi bicara saya untuk hendak menghabiskan ataupun meminta kementerian menjawab dan kementerian akan menjawab sehingga hari Isnin yang akan datang. Oleh itu, saya minta kementerian menjawab.

**6.24 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap di dalam Belanjawan ini di peringkat Jawatankuasa kepada Kementerian Kerja Raya. Seramai 16 orang saya fikir cukuplah Tuan Pengerusi. Kebanyakan Yang Berhormat menyentuh hal mengenai tol. Ini telah menjadi satu perkara yang sangat sensitif.

Tuan Pengerusi, penswastan sesuatu lebuh raya berasaskan tindakan-tindakan kerajaan untuk memberikan keselesaan dan untuk menjimatkan masa perjalanan, untuk pengguna dan juga membolehkan kawasan di sekeliling jalan lebuh raya ini dibangunkan.

Lebuh raya yang pertama diswastakan adalah Lebuhraya Utara-Selatan, ianya diadakan dalam keadaan ekonomi kita seperti hari ini. Kerajaan memandang berat kepada manfaat yang akan diberi kepada rakyat, tetapi kita tidak mampu semasa itu untuk mengadakan satu lebuh raya yang canggih, maka kos yang tinggi dan selepas itu barulah kita mengadakan satu skim

penswastaan. Ini merupakan satu cara di mana kita akan menyampaikan satu sistem pengangkutan yang baik kepada rakyat dan sampai hari ini kita memang tahu ada kelemahan dalam perjanjian konsesi. Semasa itu kita mengadakan konsesi memang kita hendak menggalakkan orang tampil ke hadapan untuk mengambil kesempatan untuk membina satu jalan yang baik seperti PLUS itu. Kelemahan dalam perjanjian ini kita telah pun menelitinya dan pada hari ini walaupun termaktub di dalam perjanjian konsesi di antara PLUS dengan kerajaan, sememangnya ianya boleh menaikkan kadar tol pada 1 Januari tahun hadapan kalau mengikut syarat-syarat atau terma-terma di dalam perjanjian konsesi.

Kerajaan amat peka kepada keadaan ekonomi sekarang dan rungutan rakyat. Pada hari ini kita telah pun mengadakan rundingan di antara kerajaan dengan pihak PLUS supaya tidak menaikkan kadar tol sebab waktu yang sangat sulit sekarang. Rundingan ini masih dijalankan, keputusannya akan disampaikan apabila selesainya rundingan di antara kerajaan dengan pihak PLUS.

Perlu saya menjelaskan di sini tol yang dipungut oleh Syarikat PLUS di Lebuhraya Utara-Selatan mulai dari tahun 1988 sehingga bulan Oktober tahun ini adalah RM3.4 bilion. Manakala tol PLUS itu belanja yang terkumpul, kita kira dari capital perolehannya dan bayar balik pinjaman, kos operasi serta kos penyelenggaraan pada waktu yang sama telah pun sampai RM10.5 bilion. Artinya PLUS kalau kira dari figure ini masih kurang sebanyak RM7 bilion. Walau bagaimanapun ini adalah fakta sebenar, kita tidak boleh kira katanya

PLUS akan untung RM100 bilion. Ini adalah satu perdagangan atau satu privatisation di mana mereka telah pun mengeluarkan banyak wang untuk membina lebuhraya, memanglah untuk projek sebesar ini mereka perlu juga membayar balik pinjaman mereka dan mengaut untung sedikit, tetapi bukanlah dalam masa 5 tahun atau 10 tahun, ia perlulah diberi tempoh konsesi selama 33 tahun.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat minta sambung hari Isnin.

**Tuan Yong Khoo Seng:** Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari Isnin minggu hadapan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*